



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 369]**

USUL-USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 387]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-
Pertuan Agong [Ruangan 387]**

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD (Kedah).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).

Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P., S.D.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF (Sabah).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 27hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI/
PARLIMEN**

1. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar terdapat amalan beza-membeza di dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di mana kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri atau Parlimen yang diwakili oleh Ahli-ahli Barisan Nasional diberi keutamaan dan kawasan-kawasan yang diwakili oleh ahli-ahli bukan daripada Barisan Nasional diketepikan atau diberikan sedikit sahaja projek pembangunan;
- (b) adakah beliau sedar bahawa ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan Jawatankuasa Tindakan/ Kemajuan Daerah adalah terdiri daripada ahli-ahli Barisan Nasional dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Barisan Nasional dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Rakyat bukan Jawatankuasa-jawatankuasa itu; dan
- (c) adakah amalan-amalan beza-membeza ini adalah bertentangan dengan seruan yang dibuat oleh Kerajaan sendiri, bahawa rakyat sekalian hendaklah bekerjasama demi keselamatan, kemajuan dan kesejahteraan tanpa mengira fahaman politik masing-masing.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

(a) Saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada amalan beza-membeza di dalam melaksanakan projek-projek pembangunan. Projek-projek pembangunan dilaksanakan di mana-mana sahaja kawasan yang memerlukannya, tidak kira sama ada kawasan itu diwakili oleh Barisan Nasional atau tidak. Penentuan keutamaan bagi projek-projek kawasan adalah dicadangkan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Jawatankuasa Tindakan Daerah dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Jawatankuasa Tindakan Negeri.

(b) Saya suka memaklumkan bahawa perlantikan Jawatankuasa Tindakan dan Jawatankuasa Pembangunan Daerah itu adalah urusan Kerajaan Negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa itu biasanya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah sendiri dan ahli-ahlinya terdiri daripada ketua-ketua Jabatan Daerah itu dan wakil-wakil rakyat dari parti yang memerintah negeri yang berkenaan. Walau bagaimanapun pengerusi berkuasa memanggil sesiapa sahaja yang difikirkan perlu bagi perkara-perkara tertentu untuk menghadiri mesyuarat.

Penyertaan Wakil-wakil Rakyat dari parti yang memerintah adalah wajar dan sesuai kerana mereka adalah menyokong dasar Kerajaan, bukan parti Pembangkang yang membangkang dasar Kerajaan, dan sentiasa mendampingi rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Penyertaan mereka itu juga memastikan bahawa segala dasar Kerajaan dan projek-projek Kerajaan yang diluluskan oleh Kerajaan akan dilaksanakan oleh kakitangan Kerajaan.

Mengenai Jawatankuasa Kemajuan Kampung sukalah saya maklumkan ianya tidak melibatkan ahli-ahli parti politik. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung ialah

Ketua Kampung dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil Persatuan dan Badan-badan Kebajikan di kampung tersebut.

Mengenai soalan (c) saya suka menegaskan lagi tidak ada amalan beza-membeza dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan kerana objektif projek-projek tersebut adalah untuk rakyat keseluruhannya tanpa mengira fahaman politik masing-masing. Di peringkat pelaksanaan keutamaan projek-projek adalah ditentukan berdasarkan dari segi faedah kepada rakyat dan kepada negara.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa tugas-tugas yang dijalankan oleh Wakil Rakyat Kerajaan iaitu Ahli Parlimen Barisan Nasional amat berlainan dengan Wakil Rakyat daripada Pembangkang?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang yang faham kepada jawapan saya tadi, saya fikir dia faham dan sedar.

MAHKAMAH MALAYSIA

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan samada kajian sedang dibuat supaya semua mahkamah di Malaysia akan mempunyai identitinya yang tersendiri dalam bentuk pakaian hakim-hakim, penggunaan "My Lord" kepada hakim, dan dalam menghormati mahkamah seperti membongkok kepada hakim dan sebagainya.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, atas pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, suka saya menyatakan di sini bahawa perkara-perkara mengenai pakaian, kelakuan dan lain-lain yang berlaku atau yang dilakukan dalam mahkamah tidak boleh dipersoal dan dibincangkan di dalam Parlimen melainkan mengikut syarat-syarat yang tertentu sebagaimana yang tersebut di dalam Perkara 127 Perlembagaan Persekutuan.

Tidak ada apa-apa kajian dibuat mengenai pakaian hakim-hakim, penggunaan pakaian, "My Lord" dan secara menghormati seseorang hakim di mahkamah.

Berkenaan dengan pakaian hakim, panggilan "My Lord" dan cara menghormati mahkamah, perkara ini adalah terpeluang

kepada budi bicara hakim menentukan di dalam perjalanan mahkamahya sendiri. Di masa ini tidak ada apa-apa undang-undang mengenai perkara-perkara tersebut. Tingkah laku seseorang hakim tidak boleh dipersoalkan di dalam Parlimen mengikut Article 127 Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan :

"Kelakuan seseorang hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi tidak boleh dibincangkan di dalam mana-mana Majlis Parlimen kecuali dengan suatu usul yang tersendiri dan notis mengenai-nya telah diberi oleh tidak kurang daripada satu perempat daripada jumlah bilangan ahli Majlis Parlimen itu, dan juga tidak boleh dibincangkan di dalam mana-mana Dewan Negeri."

KOMINIS DI MALAYSIA/KOMINIS CHINA/RUSSIA

3. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah pengganas-pengganas kominis di negeri kita ini ada apa-apa hubungan dengan kominis China dan Russia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, dengan sentiasa mengingat hakikat bahawa matlamat terakhir kominis ialah hendak menjadikan negara ini negara kominis dan akhirnya keseluruhan dunia. Maka walaupun setakat ini tidak terdapat bukti yang nyata bahawa pengganas kominis di negara ini mempunyai hubungan terus dengan pihak negara China dan Russia, kita seharusnya tetap menganggap bahawa di antara mereka yang mengamalkan ideologi ini ada mempunyai hubungan fraternal. Sehingga ini jaminan telah diberi oleh bekas Pengerusi Parti Komunis China, mendiang Mao-Tze Tung kepada bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 1974 dahulu bahawa negara itu tidak akan campurtangan dalam urusan dalam negara ini kerana masalah menentang pengganas kominis adalah dianggap sebagai soal dalam negara Malaysia.

Baru-baru ini Perdana Menteri Vietnam Pham Van Dong juga telah memberi jaminan ia tidak akan membantu gerakan subversif di negara ini dan tidak akan izinkan senjata dikirim kepada pengganas-pengganas kominis di sini. Namun demikian, ini tidaklah berti kita harus berpuas hati hingga menjadi

khayal, tetapi mestilah sentiasa berwaspada terhadap sebarang tindak-tanduk dan kegiatan pihak komunis.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak mengemukakan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Subversif komunis dalam negeri kita ini adakah dia daripada Komunis China, Komunis Russia ataupun dia bersendirian sahaja yang merosakkan tanahair kita Malaysia ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Saya telahpun menyatakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa tidak ada bukti Parti Komunis Malaya ini ada hubungan dengan mana-mana parti komunis secara terus samada parti Komunis di Russia atau China.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Saya hendak tahu mengenai sikap keyakinan Kerajaan atas ikrar Kerajaan Kerajaan Vietnam baru-baru ini dan Kerajaan Republik Rakyat China yang tidak mahu campurtangan dalam hal ehwal negeri kita. Adakah kita mempunyai keyakinan dengan ikrar-ikrar ini sahaja atau sepatutnya kita boleh minta satu ketegasan yang benar-benar bahawa Parti Komunis Malaya ini betul-betul tidak ada kaitan dengan Parti Komunis China atau parti komunis yang berada di Vietnam?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan tadi bahawa kita tidak ada bukti Parti Komunis Malaya ini ada hubungan terus dengan mana-mana parti Komunis China ataupun Russia, tetapi mereka yang mengamalkan ideologi yang sama itu barangkali ada mempunyai hubungan di antara mereka iaitu hubungan fraternal yang saya katakan tadi, dan jaminan-jaminan telahpun kita dapati. Sebagaimana yang saya telah terangkan daripada negara-negara yang kita telah mengadakan hubungan diplomatik seperti negara China, Russia dan Vietnam mereka tidak akan campurtangan di atas hal ehwal dalam negeri Malaysia ini. Saya dapat tunjukkan satu bukti bahawa dalam tahun 1975 dahulu ada suara Revolusi Malaya yang dipancar dari sesebuah negeri yang tertentu telahpun membuat ucapan tahniah kepada Parti Komunis Malaya dalam menyambut hari ulang tahunnya iaitu pada

bulan April, 1975 dahulu. Apakala kita telah membangkitkan perkara ini kepada pihak negara-negara yang tertentu maka semenjak itu tidak ada lagi perkara-perkara yang demikian berlaku.

SAKSI-SAKSI DI MAHKAMAH

4. Tuan T.S. Gabriel minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar iaitu di dalam sesuatu perbicaraan baikpun di dalam kes awam atau kes jenayah, saksi-saksinya tidak mendapat kebebasan untuk memberi keterangan atau menjawab soalan-soalan yang ditanya oleh Pendakwa atau Pembela seperti di negara-negara Barat di mana saksi-saksi dapat menolong mahkamah dengan sepenuhnya, tetapi di negara kita saksi-saksi berasa takut. Oleh yang demikian adakah Kementerian berkenaan ingin menukar sistem perbicaraan di mana saksi-saksi dapat memberi keterangan dengan sepenuhnya tanpa ditekan oleh sesiapa.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang ada segolongan kecil saksi-saksi sebagaimana kata Yang Berhormat Senator tadi yang tidak mempunyai kebebasan untuk memberi keterangan-keterangan dan kenyataan-kenyataan dalam perbicaraan. Tetapi perbicaraan setakat kes jenayah bukan kes sivil setakat yang saya tahu tidak ada saksi-saksi yang menjadi saksi dalam perbicaraan kes sivil yang tidak bebas memberi keterangan, oleh sebab-sebab yang tertentu khususnya oleh kerana ketakutan di kalangan mereka pada masa menjadi saksi.

Dalam kes jenayah yang saya sebutkan tadi memang ada segolongan kecil yang tidak mempunyai banyak kebebasan memberi penerangan oleh kerana ketakutan dan kes-kes ini adalah mengenai Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) sahaja. Tetapi dalam hal ini supaya saksi-saksi tidak takut maka kita ada undang-undang yang dinamakan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) 1975 atau Essential (Security Cases) Regulations, 1975 dalam mana soal saksi yang takut dirinya dikenal atau diketahui oleh orang lain, ini sebab ketakutannya, dia takut orang kenal pada dia ataupun keluarganya mungkin terancam keselamatan mereka, orang ini di bawah

Undang-undang ini diberi kesempatan memberi keterangan dari satu tempat khas supaya tidak dapat dilihat oleh orang yang dituduh atau peguamnya dan saksi itu boleh dilihat oleh mahkamah sahaja. Jika saksi itu takut suaranya dikenali, saksi itu boleh bercakap perlahan-lahan kepada Jurubahasa Mahkamah dengan percakapan itu hanya Jurubahasa sahaja yang dapat mendengarnya dan kemudian Jurubahasa itu pula akan menyampaikan percakapan itu kepada mahkamah supaya lain-lain orang yang hadir dapat mendengarnya. Mahkamah juga boleh melarang sesiapa juga mengemukakan apa-apa soalan mengenai nama, pekerjaan, bangsa atau apa-apa butir lain yang boleh mendedahkan identiti saksi itu. Jadi dengan cara demikian saksi-saksi tidak akan takut memberi keterangan di dalam mahkamah dan dia juga tidak akan dapat ditekan atau diancam oleh sesiapa juga pun.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga saya ingatkan dalam Kanun Keseksaan ada satu peruntukan yang boleh menghukum seseorang yang melakukan kesalahan dalam mana dia menakutkan seseorang dengan niat tidak baik, dalam bahasa Inggerisnya criminal intimidation umpamanya terhadap seorang saksi. Buat masa sekarang Undang-undang yang ada telahpun cukup. Oleh itu, tidak ada sebab bagi Kementerian Undang-undang mengesyorkan apa-apa perubahan terhadap sistem percakapan yang dipakai pada hari ini.

BANTUAN KEPADA PEKEBUN KECIL GETAH

5. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) tujuan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil menanam semula getah;
- (b) jumlah bantuan yang telah diberi kepada pekebun-pekebun kecil sejak rancangan menanam semula mula-mula diadakan dan sehingga sekarang; dan
- (c) adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membantu pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula tanaman-tanaman lain daripada getah, iaitu pokok buah-buahan; jika ya, bilakah ianya akan dimulakan, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan telah memberi bantuan tanam semula getah kepada pekebun kecil dengan tujuan untuk membolehkan mereka mengganti pokok-pokok getah tua mereka yang tidak dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan atau ekonomik dengan pokok-pokok baru yang bermutu tinggi. Penanaman semula dengan menggunakan benih yang baik dan diakui serta dengan cara pertanian moden dan saintifik akan dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dan menjamin pendapatan masa depan mereka.
- (b) Jumlah bantuan yang telah diberi kepada pekebun kecil sejak rancangan menanam semula dimulakan dalam tahun 1953 sehingga sekarang berjumlah \$1,095 juta. Daripada jumlah tersebut \$821,873,410.00 adalah dalam bentuk wang tunai dan \$273,424,883.00 dalam bentuk mata benda.
- (c) Kerajaan memang ada mempunyai rancangan-rancangan untuk membantu pekebun kecil menanam semula tanaman-tanaman selain daripada getah dan tugas-tugas ini adalah dilaksanakan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian. RISDA juga ada memberi bantuan-bantuan jenis ini. Bantuan-bantuan ini telah diberi sejak beberapa tahun lalu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam usaha menanam semula getah ini berbagai ikhtiar untuk mendapatkan kemajuan telah dilakukan oleh RISDA. Adakah Kementerian ini sedar bahawa di antara rancangan yang dibuat oleh RISDA, iaitu menanam getah berkelompok rancangan ini gagal, maka tidak memberi puas hati kepada pekebun kecil? Dengan adanya keadaan ini adakah Kementerian ini akan mengkaji balik supaya rancangan berkelompok ini dihentikan atau dibuat satu aturan yang tertentu?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang mendapat berbagai-bagai macam aduan mengenai kekurangan di sana-sini dalam cara perlaksanaan satu-satu program dan pihak Kementerian memang sentiasa memberi perhatian

kepada semua kerja yang sedang dibuat dan segala aduan yang kita terima sentiasa mendapat perhatian dan pertimbangan kita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah termasuk juga aduan yang disampaikan oleh pekebun kecil bahawa baka benih getah yang diberikan kepada pekebun kecil pada masa sekarang tidak memuaskan mereka dan banyak mata tunas yang diberi itu tidak bermutu dan menerima kerosakan? Adakah masalah ini diterima oleh Kementerian ini dan apa langkah Kementerian ini akan buat supaya membaiki taraf hidup pekebun kecil ini?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, inipun dalam pengetahuan pihak Kementerian dan perkara ini sedang diberi perhatian dan tindakan-tindakan oleh pihak Kementerian.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan, berkenaan dengan bantuan kepada tanaman-tanaman yang lain daripada getah, adakah bantuan yang diberi itu sama seperti bantuan yang diberi kepada getah, iaitu sebanyak \$950 sekar?

Tuan Sanusi bin Junid: Bantuan yang diberi untuk jenis tanaman lain adalah berbeza dengan cara yang diberi untuk tanaman semula getah.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Saya harap dapat penjelasan daripada pihak Kementerian bahawa tujuan yang dikatakan tadi, tujuan bantuan kepada menanam semula getah ialah supaya getah tua itu boleh ditanam dengan pokok yang baru yang bermutu, tetapi bantuan kepada tanaman-tanaman yang lain daripada getah, adakah dengan tujuan yang sama ataupun sebagai memberi bantuan sekadar begitu sahaja, maknanya apakala ada bantuan diberi kepada getah maka jangan tidak bantuan lain itu diberi begitu sahaja sama ada berjaya ataupun tidak berjaya? Saya harap dapat diberitahu kerana setahu saya getah telah 3-4 kali diubahkan bantuan itu daripada \$330 sampai \$600 dan naik sampai \$950 kerana hendak memberikan sepenuh-penuh kejayaan, tetapi tanaman buah-buahan yang lain diberi tidak seperti itu, kenapa?

Adakah tujuan memberi bantuan kepada tanaman-tanaman yang lain itu sama seperti tujuan diberi kepada bantuan getah, iaitu untuk menggantikan tanaman itu dan supaya mutu tanaman itu baik?

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi betul juga kerana tanaman semula seperti kelapa, kalau sudah tua ditanam semula lain, bantuannya kurang daripada tanaman getah. Tetapi menurut pengalaman saya sendiri sebagai ahli pekebun kecil yang juga menanam semula 4 ekar dengan buah durian, kalau bantuannya \$900 kepada pekebun kecil getah, \$900 juga kalau hendak tanam durian atau cengkeh dan lain-lain, tak ada beza kekurangan tentang wang itu. Misalnya bantuan sudah diberi naik kepada \$1,200 sekar yang di bawah daripada 10 ekar, kalau saya tak salah, dan sekiranya mereka ini tidak hendak menanam getah yang bermutu baik, tetapi hendak menanam yang lain daripada itu dengan syarat tanaman itu dipersetujui oleh RISDA yang membawa hasil yang baik seperti hendak menanam kelapa sawit atau durian atau buah rambutan, maka bantuannya sama juga \$1,200 atau \$900 tak kurang. Perbezaannya saya telah menerangkan kepada orang kampung ialah kalau dia tanam semula dengan getah, bila pokok getah sudah tua dia dapat lagi sekali bantuan \$900 sekar, tetapi kalau tanam lain daripada getah, misalnya buah-buahan atau kelapa sawit, mereka tidak lagi dapat bantuan tanam semula 25 tahun kelak atau 80 tahun selepas pokok durian itu sudah mati semuanya kerana tidak ada dipungut cess daripada mereka itu sebagaimana dipungut daripada hasil getah yang ditoreh. Saya harap dengan keterangan itu Ahli Yang Berhormat puas hati.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri berhubung dengan bantuan yang dikatakannya tadi \$1,200, mengikut peruntukan baru ini akan diberi oleh Kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil yang tanahnya kurang daripada 10 ekar. Saya mengambil kesempatan bagi pihak pekebun kecil mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan, tetapi Yang Berhormat Menteri tolong siasat iaitu satu kesilapan yang dibuat oleh pegawai-pegawai RISDA di

peringkat daerah. Mereka telah mengatakan kepada pekebun-pekebun kecil bahawa kalau mereka hendak menanam selain daripada getah tidak akan dapat \$1,200, mereka hanya akan dapat \$900. Jadi, kalau ada keadaan yang tidak betul, saya harap Yang Berhormat Menteri betulkan pegawai Kerajaan ini supaya menyenangkan hati pekebun kecil kita hendak menyambut seruan Kerajaan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi saya salah, kalau sekiranya saya salah, saya akan betulkan perkara itu. Hasrat Kerajaan menambah dari \$700 kepada \$900 itu bukan daripada cecis getah, tetapi wang Kerajaan sendiri untuk menampungkan kenaikan harga (cost) membangun, membuka dan menamakan kebun baru. Saya percaya bantuan pada kebun getah sudah naik \$1,200, saya fikir tidak kurang kalau menanam durian lagi lama dia berbuah dan kalau ada perkara yang seperti itu saya tidak tahulah, sama ada betul atau tidak, saya akan menyelidik dan akan diperhatikan perkara itu, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad tadi.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap dapat penjelasan yang lebih lanjut dengan sebab penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu ada sedikit barangkali terkeliru. Masalah yang saya hendak tanya sekarang ini bukannya menanam getah, tetapi menanam semula pokok-pokok buah-buahan selain daripada getah. Apa yang diberi jawapan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kalau tanah itu tanah getah yang ada pokok getah, maka apakala ditebang pokok getah itu sama ada di tanam dengan getah ataupun ditanam dengan lain-lain tanaman yang dipersetujui diberi, sama ada diberi dengan sepenuhnya atau tidak, maksudnya diberi sehingga \$950. Tetapi pertanyaan saya di dalam soalan (b) bukan begitu, umpamanya, kebun rambutan yang sudah tua, adakah Kerajaan bercadang hendak memberi tanaman semula dengan sebab kita tebang pokok rambutan itu, kalau sekiranya diberi sebagaimana yang dijawab tadi, mengapa tidak diberi sama sepertimana bantuan yang diberi kepada getah iaitu \$1,200?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ada terkeliru, saya bercakap mengenai getah. Orang yang dapat bantuan getah \$900 itu ialah wang mereka sendiri yang dipotong daripada getah yang ditoreh dan dijualkannya. Tetapi kalau misalnya Ahli Yang Berhormat ada kebun rambutan tidak pernah wang rambutan dipungut oleh Kerajaan untuk tanam semula. Soalnya bantuan ini melalui RISDA, hanya kepada getah sahaja yang asalnya dan selain daripada itu tidak ada bantuan. Kalau ada hendak bertanya berkenaan dengan bantuan-bantuan lain seperti tanaman asal kita tanam durian atau buah-buahan duku dan rambutan seperti yang disebut tadi, itu Kementerian Pertanian ada memberi bantuan baja dan sedikit-sedikit yang lain—bukan Kementerian saya.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya berterima kasih di atas penerangan daripada sahabat saya Datuk Haji Ahmad bin Arshad. Soalan tambahan saya, pekebun kecil yang getahnya ditanam semula biasanya ada bulan-bulan yang patut diperiksa, pegawai datang memeriksa, tetapi enam bulan kebelakang bantuan tahun itu tidak juga dapat.

Yang kedua, kalau tidak lulus, jangan kata bantuan, bajapun tidak dapat, tunggu masa lulus dua tahun akan datang. Jadi semua baja diangkat sekali terus diberi kepada pekebun kecil. Jadi bagaimana pekebun kecil hendak menanam sebab baja itu mengikut musim? Adakah Kementerian sedar perkara ini berlaku di dalam Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam Bahagian Tanam Semula? Kalau sedar, bolehkah Yang Berhormat Menteri baiki perkara ini?

Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, cukup sedar, kerana saya sendiri sudah kena seperti itu (*Ketawa*). Sebab itulah semenjak saya bertukar ke Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini dan semasa saya sebagai Peguam Negara pun saya ada mengambil tindakan iaitu seramai 15 orang, kalau tidak salah saya, di dalam RISDA, saya telah memutuskan untuk ditangkap dan telah dibicara dan masih sedang dibicarakan. Sekarang RISDA sudah masuk pula di bawah Kementerian saya. Saya telah mengarahkan perkara ini

supaya dijalankan dengan licin. Saya sedar, sebagai orang kampung, bagaimana setengah-setengah atau sebilangan kecil pegawai-pegawai itu yang mana kita tahu sememang sengaja dilambat-lambatkan. Kalau orang kampung sudah siap membersihkan tanah masing-masing disuruh periksa supaya dapat bantuan, katanya dia hendak kumpul sehingga 30 fail baru dia pergi ke kawasan itu, dan masa itu mengambil masa dua bulan, rumput sudah tumbuh balik, maka tidaklah lulus. Dia kata, tebas lagi sekali baru dia datang sekali lagi, tetapi kadang-kadang kalau dia baik ada sebab lain, lulus pula. Saya sedar-sedar benar (*Ketawa*) kerana bapa saudara saya sudah kena. Oleh sebab itulah saya dan Timbalan Menteri saya mengambil perhatian berat di atas perkara yang berlaku ini dan tidak ragu-ragu akan mengambil tindakan kepada mereka yang menyeleweng pekerjaannya, tidak menjalankan kerja dengan tegas, sama ada dibawa ke mahkamah atau diberhentikan dari pekerjaannya.

PEKERJA-PEKERJA BERBILANG KAUM

6. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan kemajuan-kemajuan yang diperolehi hasil dari arahan-arahan Kerajaan supaya mengambil pekerja-pekerja berdasarkan berbilang kaum negara ini untuk mencapai perseimbangan kaum dalam pekerjaan memandangkan kadar pengangguran yang amat pesat meningkat di kalangan orang Malaysia berketurunan India.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, perangkaan-perangkaan yang menunjukkan kemajuan di dalam pelaksanaan dasar pengambilan pekerja-pekerja mengikut berbilang kaum selain daripada apa yang terkandung dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat diperolehi sepenuhnya apabila kajian separuh penggal rancangan tersebut dibentangkan di Dewan ini pada awal tahun hadapan.

Sementara itu daripada data-data yang ada, kemajuan yang memuaskan telah tercapai di dalam pelaksanaan dasar ini terutama sekali dalam sektor-sektor ekonomi yang moden berpandukan kepada unsur-unsur sejarah masyarakat kita dan juga memandangkan bahawa matlamat kita dalam dasar ini adalah satu yang berjangka panjang bolehlah dikatakan

bahawa sambutan pihak-pihak majikan terhadap perimbangan kaum dalam pekerjaan mereka ini adalah meningkat dari semasa ke semasa.

Rancangan pelajaran dan latihan Kerajaan telah juga membantu untuk melatih lebih ramai lagi pekerja-pekerja yang diperlukan untuk industri-industri kita. Dengan cara ini juga masalah yang dihadapi oleh kaum India akan dapat juga diberi perhatian yang sama.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sangat molek tetapi pada perlaksanaannya tidak dapat kita ikuti dengan sepenuhnya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sekiranya ada majikan-majikan yang tidak mematuhi dasar pelaksanaan berbilang kaum ini, apa kuatkuasa Kementerian ini boleh menghukumkan majikan itu supaya dapat dilaksanakan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi adalah dari segi pelaksanaan, bukan dari segi yang lain. Jadi molek jawapan itu adalah dari segi pelaksanaan juga, tetapi untuk menjawab soalan asal Yang Berhormat tadi tidak ada undang-undang yang digunakan untuk memaksa majikan-majikan mengikut dasar kita ini untuk mengambil pekerja-pekerja daripada semua kaum mengikut dasar itu.

Soal mendakwa mereka di mahkamah atau lain-lain tidaklah timbul, tetapi Kementerian saya dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah sentiasa memujuk dan menggalakkan sehingga kadangkala memaksa secara lisan sahaja kepada pihak majikan yang enggan atau belum dapat mengikut matlamat dasar kita, tetapi pada amnya boleh dikatakan bahawa majikan-majikan telah menerima dasar ini dan mereka pun menghadapi serba sedikit masalah-masalah dalam perkara ini dan Kerajaan juga cuba apabila kita dapati keadaan yang tertentu untuk menolong mengatasi masalah-masalah yang mereka hadapi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, beliau mengatakan tidak ada undang-undang yang boleh menguatkuasakan. Saya suka bertanya sama

ada Kerajaan bercadang hendak membuat undang-undang supaya perkara ini boleh dikuatkuasakan.

Tuan K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa kali soalan ini dijawab di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan tidak bercadang setakat hari ini untuk mengadakan undang-undang untuk menguatkuasakan dasar seperti itu.

STOCKPILE DAN KELUARAN BERAS NEGARA

7. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan kedudukan stockpile beras negara sekarang dan setakat manakah pengeluaran dalam negeri akan mencapai tingkat mencukupi untuk kegunaan sendiri memandangkan kemarau panjang baharu-baharu ini.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab-sebab yang tertentu dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dukacita angka stockpile tidaklah dapat saya umumkan. Tetapi saya suka menegaskan bahawa beras adalah sentiasa mencukupi untuk keperluan seluruh negara. Pada masa ini pengeluaran beras adalah 85% daripada keperluan negara. Pengeluaran telah berkurangan sebanyak kira-kira 15% akibat kemarau tetapi ini telah ditampung dengan belian dari luar negeri.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa pada Hari Raya yang lepas beras pulut terlampau mahal harganya, lebih daripada \$5 segantang, sebelum Hari Raya harganya \$4 sahaja, tetapi hampir Hari Raya naik lebih \$5 segantang. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Menteri dan Kementeriannya memberi jaminan kepada rakyat supaya pada Hari Raya Haji kelak harga beras pulut tidak naik semacam Hari Raya Puasa.

Tuan Abdul Manan bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Saya sedar bahawa Yang Berhormat Menteri tentu tidak boleh memberi

angka stockpile kita, tetapi dapatkah beliau menyakinkan orang ramai bahawa stockpile itu mencukupi?

Tuan Abdul Manan bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengulangi bahawa pihak Kerajaan menegaskan bahawa stockpile adalah mencukupi untuk keperluan negara setiap masa.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana jumlah beras yang ada dalam stockpile kita itu adalah rahsia, tak boleh diberikan gambarannya, berapa banyaknya di dalam Dewan ini, saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan itu, beras yang dirahsiakan yang ada dalam stockpile itu adakah sentiasa diselidik, ditengok sama ada berulat? Adakah usaha ini dibuat oleh Kerajaan kerana ini hak negara, janganlah sampai ketikanya esok dibekalkan beras itu kepada orang ramai dengan beras yang rosak. Adakah hal ini disiasat, diselidik dari semasa ke semasa?

Tuan Abdul Manan bin Haji Othman: Perkara ini memang diselidik, disiasat dan diteliti setiap masa.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kalau betul disiasat, Tuan Yang di-Pertua, kalau didapati beras itu sudah kurang baik, adakah Kerajaan simpan lagi ataupun dijual dengan harga pasaran biasa atau dijual dengan harga murah?

Tuan Abdul Manan bin Haji Othman: Beras itu hendaklah dikeluarkan dari satu masa ke satu masa dan kami tidak akan membiarkan beras itu rosak, dan kalau didapati rosak dan tidak dapat dimakan, beras itu akan dimusnahkan.

NELAYAN—ROMPAKAN LAUT

8. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan kita selalu mengalami pembajakan laut, samun dan pembunuhan hampir setiap bulan sehingga seolah-olah kejadian ini berlaku seperti telah dirancang oleh satu sindiket sama ada dari dalam atau luar negeri dan

jika ya, apakah langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk melindungi nelayan kita supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku lagi; dan

- (b) jumlah kerugian dialami oleh nelayan-nelayan kita dari segi (i) bot-bot; (ii) harta-benda; dan (iii) nyawa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

(a) Saya sedar bahawa nelayan-nelayan kita selalu diganggu di laut. Walau bagaimanapun, tiada terdapat bukti yang nyata yang menunjukkan bahawa keganasan itu dilakukan oleh suatu sindiket baik dari dalam mahupun dari luar negeri. Bahagian Perikanan akan terus bekerjasama dengan Polis Laut dan Tentera Laut untuk mengawasi dan menjalankan rondaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun bersetuju untuk membeli 4 buah kapal terbang khas untuk kegunaan yunit Polis Udara untuk memperkuatkan lagi kawalan perairan pantai yang melindungi nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b) jumlah kerugian tahun 1978 yang dialami oleh nelayan-nelayan kita dari segi:

- (i) Bot-bot 9 buah
 (ii) Harta-benda ... \$125,120
 (iii) Kehilangan nyawa Tiada dilaporkan

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa nelayan kita ini memang sentiasa diganggu, terutama sekali kalau musim ikan mahal. Gangguan ini adakah Kerajaan sedar bahawa bukan datangnya daripada manusia-manusia dalam negeri ini, tetapi datangnya daripada manusia luar negeri iaitu negeri jiran kita. Adakah Kerajaan kita sekarang sedang membuat suatu usaha supaya nelayan-nelayan, umpamanya, daripada Thailand ataupun daripada Singapura yang selalu mengganggu perairan kita dirundingkan supaya keadaan nelayan kita itu tidak mendapat gangguan pada masa yang akan datang?

Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar nelayan-nelayan di

Kelantan juga dari waktu ke waktu mengalami rompakan laut apabila mendekati pinggir laut yang bersempadan Malaysia/Thai. Jika ada, apakah langkah yang akan diambil untuk membantu nelayan-nelayan di Kelantan itu dan mengatasi korban itu?

Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan langkah-langkah sedang diambil sebagaimana yang disebutkan tadi bagi menambahkan lagi rondaan bagi menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita sama ada di laut Pantai Barat ataupun di Pantai Timor termasuk di Kelantan.

DADAH—PENGEDAR DIHUKUM BUNUH

9. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Undang-undang menyatakan sejak diluluskan rang undang-undang dalam mana pengedar dadah boleh dijatuhkan hukuman bunuh atau penjara seumur hidup:

- (i) berapa orang yang telah dihukum bunuh;
 (ii) berapa orang yang telah dipenjara;
 (iii) sama ada bilangan pengedar dadah di masa sekarang ini berkurangan;
 (iv) berapa orang ketua-ketua pengedar dadah dapat tangkap.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, semenjak undang-undang dipinda yang mana mulai 30hb April, 1975 Mahkamah berkuasa menjatuhkan hukuman mati atau penjara seumur hidup ke atas seseorang yang menjadi pengedar dadah, hanya satu orang sahaja yang didapati bersalah telah dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi.

Kes ini melibatkan sebanyak 132.2 gram heroin dan 38.9 gram morphine. Tetapi setelah kes ini diulang bicara oleh Mahkamah Persekutuan, maka Mahkamah Persekutuan telah meringankan hukuman itu dengan menggantikan hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup atas alasan bahawa quantity ataupun banyak heroin dan morphine yang berkenaan tidak sebegitu besar.

Mengenai soalan (ii)—27 orang telah dipenjara seumur hidup.

Mengenai soalan (iii)—memandangkan kepada statistic yang ada sekarang, nampaknya pengedar dadah masa sekarang ini tidak berkurangan.

Mengenai soalan (iv)—Ketua pengedar dadah yang dapat ditangkap adalah seperti berikut:

1975	22 orang
1976	61 orang
1977	113 orang
1978	hingga bulan September				115 orang

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang telah selesai dipertimbangkan, dan apabila selesai Dewan ini akan ditangguhkan kepada 14hb Disember, 1978.

Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul atas nama Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang telah selesai dipertimbangkan, dan apabila selesai Dewan ini akan ditangguhkan kepada 14hb Disember, 1978.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.” (26hb Oktober, 1978).

3.20 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas pandangan-pandangan, teguran dan syor-syor yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam Dewan ini berhubung dengan perkara-perkara di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah mengambil ingatan terhadap segala pandangan-pandangan, teguran dan syor-syor itu dan di sini sukalah saya membuat sedikit ulasan mengenainya, terutama sekali perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah dadah. Sebenarnya, perkara kawalan dan urusan membentasi dadah telahpun diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semenjak pembentukan Kabinet baharu selepas pilihanraya yang lalu. Sungguhpun demikian, beberapa langkah-langkah permulaan telahpun diambil oleh Kementerian saya bagi menghadapi masalah ini. Ingin saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan memanglah sedar masalah penyalahgunaan dadah di negara kita telah mencapai ke peringkat yang sangat meruncing dan langkah-langkah yang segera perlu diambil bagi mengatasinya. Dalam menghadapi cabaran ini kita mestilah menentang dengan cara menyeluruh dan penglibatan dari semua pihak dan lapisan masyarakat, jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan adalah sangat perlu. Bagi Kementerian saya apa juga langkah yang difikirkan perlu dan wajar akan diambil bagi memerangi pengaruh dadah supaya betul-betul berkesan dan berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tertinggi Kabinet mengenai penyalahgunaan dadah. Jawatankuasa ini adalah satu badan eksekutif yang utama dalam semua hal untuk mengawal peyalahgunaan dadah. Bagi melaksanakan semua rancangan-rancangan Jawatankuasa ini telah menubuhkan sebuah Yunit Bertindak Eksekutif yang diuruskan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui satu Urusetia. Yunit ini dianggotai oleh pihak Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat secara langsung dalam hal dadah iaitu Polis, Kastam, Pusat Biro Narkotik, Kesihatan serta projek penyelidikan penyalahgunaan dadah yang diadakan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Yunit Bertindak ini mempunyai Jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi merancang dan melaksanakan tugas-tugas yang tertentu.

- (i) Jawatankuasa Kecil Penguatkuasaan dan Perundangan yang dianggotai oleh pihak Polis, Kastam, Pusat Biro Narkotik dan Yunit Pencegah Penyeludupan. Tugasnya ialah untuk mengesan dan menangkap mereka yang terlibat dalam pengedaran, pengilangan, penjualan hingga kepada penagih serta menyemak dan meneliti undang-undang.
- (ii) Jawatankuasa Kecil bagi Pengesanan, Rawatan dan Pemulihan yang dianggotai oleh pihak Kesihatan, Kebajikan Am dan tugasnya ialah untuk mengesan dan memberi rawatan serta pemulihan kepada penagih-penagih.
- (iii) Jawatankuasa Kecil bagi Pencegahan dan Pendidikan yang dianggotai oleh pihak Pelajaran, Penerangan dan PEMADAM. Tugasnya ialah untuk memberi penerangan kepada bahaya dadah serta mengesan penyalahgunaan dadah di kalangan murid-murid sekolah.

Inilah badan-badan yang telah dibentuk khususnya untuk merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan bagi menghadapi ancaman yang tersebut itu. Maka dengan adanya Jawatankuasa-jawatankuasa ini dapatlah kita menentukan bahawa agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan akan menjalankan tugas-tugasnya dengan cukup berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sukalah saya menerangkan dengan ringkasnya tangkapan-tangkapan yang telah dibuat oleh pihak penguatkuasa. Dalam masa 6 bulan pertama

iaitu daripada bulan Januari hingga Jun, 1978 ini Polis Di Raja Malaysia, Kastam dan Pusat Biro Narkotik telah melakukan sejumlah 3,234 tangkapan ke atas mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Dari jumlah tersebut sebanyak 135 orang telah terlibat secara langsung dalam pengedaran dadah ini. Agensi-agensi tersebut juga telah berjaya merampas candu mentah sebanyak 505.37 kilograms, 91.692 kilograms candu yang diproses, 4.65 kilograms morphine, 37.42 kilograms heroin, 74.64 kilograms ganja dan 21,039 pokok-pokok ganja.

Hukuman ke atas mereka yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah ini adalah mencukupi di bawah undang-undang yang berkuatkuasa sekarang kerana seseorang itu boleh dihukum mati bersabit dengan kesalahan pengedaran dadah ini. Tindakan bagi memperketatkan pengawasan kemasukan dadah yang merbahaya di sempadan Thai adalah dijalankan dengan giat sekali. Dalam usaha ini sukalah saya menyatakan bahawa pihak berkuasa negeri Thai adalah memberi segala kerjasama yang rapat dalam perkara ini. Langkah-langkah yang serupa juga adalah dijalankan di lapangan-terbang-lapangan-terbang dan juga di pelabuhan-pelabuhan. Dari segi mengesan, merawat dan pemulihan pula, sukacitalah saya memaklumkan bahawa sebanyak 17 buah pusat-pusat bagi mengesan penagih dadah telah diwujudkan dalam masa 6 bulan yang lalu dan sebanyak 20 Pusat Pengesanan adalah dalam peringkat pembinaan sekarang ini. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menubuhkan Pusat-pusat Pengesanan di tiap-tiap hospital di dalam negara kita ini.

Insyallah, semuanya akan dapat disiapkan pada awal tahun hadapan jika sekiranya tidak menjadi apa-apa halangan. Dalam pada itu juga jumlah 7 buah hospital-hospital besar telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan detoxification dan Pusat-pusat Pemulihan Dadah yang baru yang boleh menampung sebanyak 2,000 penghuni bagi satu-satu masa sedang dirangkaan iaitu di Sepang, negeri Selangor dan di Muar, Johor dan juga di Sungai Petani, Kedah. Sementara itu Pusat Pemulihan Dadah di Besut, Trengganu sedang diperbesarkan lagi.

Di dalam hal ini sukalah juga saya menjelaskan bahawa pembinaan Pusat-pusat ini akan mengambil masa tetapi Yunit Bertindak Eksekutif akan berusaha sedaya-upaya dapat rancangan-rancangan ini diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh.

Dalam bidang pendidikan dan penerangan pula, langkah-langkah sedang dirangkakan bagi mewujudkan kemudahan-kemudahan rundingcara (counselling) di semua sekolah-sekolah menengah di negara ini serta melatih pegawai-pegawai untuk memberi penerangan yang sebenarnya mengenai bahaya dadah khususnya di sekolah-sekolah.

Sepertimana yang telah saya jelaskan sebentar tadi penglibatan yang total dan cara menyeluruh oleh semua pihak, khususnya orang-orang ramai adalah sangat perlu bagi menjamin kejayaan di dalam memerangi pengaruh dadah ini. Maka di sini peranan PEMADAM amatlah penting. Dengan itu saya meminta agar semua badan-badan, persatuan-persatuan, kelab-kelab, syarikat-syarikat dan sekolah-sekolah supaya dapat melibatkan diri dengan secara langsung dengan kegiatan PEMADAM ini, dan anggota-anggota PEMADAM yang telah dilantik menerusi persatuan-persatuannya diharap menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi.

Sehingga bulan September 1978 PEMADAM telahpun menubuhkan cawangan-cawangannya boleh dikatakan di semua negeri termasuklah di Wilayah Persekutuan ini juga. Buat sementara cawangan-cawangan negeri pula telah menubuhkan cawangan-cawangan di peringkat-peringkat daerah. Pendek kata, semua pihak haruslah tampil ke hadapan dan berilah khidmat dengan cara masing-masing supaya bencana dadah ini dapat kita bersama-sama hapuskan dari segi masyarakat kita. Haruslah kita menanamkan semangat benci dan jijik terhadap dadah kepada anak-anak kita semenjak dari kecil lagi melalui nyanyian-nyanyian ataupun pengajaran agama dan sebagainya dan suka saya membuat pengumuman bahawa mengikut fatwa yang telah dikeluarkan dadah adalah haram menurut ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang suka saya menyentuh sedikit sebanyak tentang kegiatan-kegiatan jenayah dan subversif yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Hukuman-hukuman di bawah undang-undang yang terdapat di negara ini sekarang adalah difikirkan memadai untuk mengatasi segala kegiatan-kegiatan subversif buat masa ini. Undang-undang ini termasuklah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang memperuntukkan hukuman yang cukup berat bagi mereka yang terlibat dalam kegiatan keganasan. Di samping itu ada juga peraturan-peraturan

husus bagi membicarakan kes-kes subversif mahkamah. Bagi kegiatan-kegiatan jenayah khususnya di sempadan utara Semenanjung, termasuklah penyeludupan yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari utara Semenanjung, maka suka saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan sedar mengenai kejadian-kejadian ini dan sebenarnya Kerajaan sedang mengambil segala langkah untuk mengetatkan kawalan-kawalan di sepanjang sempadan, umpamanya dengan mengadakan pagar keselamatan di sempadan dan juga mengadakan lebih banyak rondaan-rondaan di kawasan-kawasan yang berkenaan terutama di laut ataupun di darat.

Mengenai pengawalan keselamatan di kawasan perairan laut atau pantai dan suka saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan sedang menguruskan pembinaan tambak pusat-pusat Marine iaitu pengkalan-pengkalan Marine sama ada di pantai barat dan juga pantai timur. Seumpamanya, di pantai barat sedang dibina sebuah pengkalan Marine di Pulau Langkawi dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan di pengkalan ini akan ditempatkan beberapa buah bot yang lengkap untuk menambah rondaan-rondaan bagi mencegah kegiatan-kegiatan lanun, pencerobohan, penyeludupan dan juga untuk mengawal gerakan nelayan-nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya beralih pula kepada perkara penempatan orang-orang Asli. Kementerian ini tidaklah sekali-kali berniat menempatkan orang-orang Asli ke daerah-daerah pendalaman sebagaimana ada dikaitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ucapan itu. Sebenarnya, satu rancangan jangka panjang yang dikenali sebagai Rancangan Titiwangsa yang melibatkan kira-kira sebanyak 5,000 keluarga yang berselerak di kawasan-kawasan terpencil sepertimana di sekitar Ulu Kelantan, Pahang Barat dan juga di Perak Timur sedang dirancangkan sekarang ini dan dalam rancangan ini sebanyak 24 kawasan telah dipilih. Bagaimanapun sebanyak lima kawasan akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang melibatkan sebanyak lebih kurang 1,000 keluarga.

Rancangan ini adalah mempunyai dua matlamat iaitu pertama menempatkan orang-orang Asli di kawasan-kawasan yang sesuai supaya mereka tidak dipengaruhi oleh penganas-penganas komunis. Yang keduanya supaya mereka akan dapat merasa nikmat

pembangunan negara dan kemajuan sosial sama sepertimana rakyat yang lain di negara ini.

Perbelanjaan bagi rancangan ini adalah diuntukkan sebanyak \$26,804,000 iaitu bagi Rancangan Malaysia Ketiga ini sahaja. Pada prinsipnya sebuah kawasan pengumpulan semula ini akan mengandungi satu kompleks kediaman iaitu tiap-tiap keluarga akan disediakan sebuah rumah kediaman yang lengkap dengan segala kemudahan biasa di atas tapak seluas lebih kurang 2 ekar.

Yang kedua ialah kompleks perkhidmatan iaitu perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran, keselamatan kesihatan, pelajaran dan recreation akan dilengkapi di dalam kawasan itu.

Yang ketiga, projek pertanian dan ekonomi tiap-tiap keluarga akan diberi 8 ekar tanah pertanian dan dua ekar tambahan lagi sekiranya diperlukan untuk dusun dan sebagainya.

Yang keempat, membawa jalan-jalan sesuai di dalam kawasan itu.

Adalah dijangka dengan rancangan ini orang-orang Asli merasa arus pembangunan di negara ini sepenuhnya di samping dapat berdiri dengan sendiri dalam menentukan masa hadapan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan saya ini dengan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah berucap memberi ulasan-ulasan, teguran-teguran dan syor-syor kepada Kementerian saya semasa perbincangan Titah Ucapan Di Raja.

3.41 ptg.

Menteri Tak Berportfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil kesempatan pada petang ini di Dewan yang mulia ini untuk menggulung ucapan-ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini tatkala membahaskan ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Di Raja sempena pembukaan Parlimen Kelima.

Pertamanya, suka saya memberi ucapan saya bagi pihak Kementerian Kebajikan Am.

Mengenai masalah dadah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir Kementerian Kebajikan Am adalah bertanggungjawab untuk rawatan dan pemulihan penagih dadah. Kerja mencegah

bekalan dan pengedaran dadah adalah tanggungjawab Pusat Biro Narkotik di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Am adalah memandang berat atas penagihan dadah ini sebagaimana pandangan-pandangan di negara-negara lain di dalam dunia ini. Untuk mengatasi masalah ini Kementerian ini telah mengadakan tiga pusat pemulihan dadah yang boleh menerima 420 penghuni di dalam satu masa untuk pemulihan. Kemudahan yang ada di dalam Kementerian ini telah digunakan supaya kemudahan-kemudahan pemulihan dapat ditentukan dengan segera. Sementara itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga mengambil tindakan untuk mencari tanah dan mendapatkan peruntukan untuk membesarkan pusat-pusat yang ada dan membina pusat-pusat baharu yang sesuai dan lengkap supaya kemudahan-kemudahan pemulihan dapat ditambahkan. Hasil usaha Kementerian ini ialah sebuah pusat baru di Besut negeri Trengganu akan dibuka tidak lama bagi 133 penghuni, 2 pusat lagi di Johor dan Kedah tiap-tiap satunya ialah 300 orang akan dibina di bawah rancangan pembangunan Kementerian ini.

Dengan rancangan ini seiumlah 1,400 orang dapat diberi rawatan dan pemulihan oleh Kementerian ini. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan yayasan Kementerian Kebajikan Am memberi perkhidmatan-perkhidmatan luar seperti penveliaan dan counselling kepada penagih-penagih dadah. Perkhidmatan ini adalah didapati di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di seluruh negara ini.

3.45 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menjawab bagi pihak Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan ini telah membangkitkan perkara perhubungan di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Ada pula di antara Ahli Yang Berhormat menvoal keikhlasan negara China terhadap persahabatan mereka dengan negara kita Malaysia.

Semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri ke Negeri China baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah mendapati

bahawa pemimpin-pemimpin China nampaknya bersungguh-sungguh untuk memaju dan mempererat lagi perhubungan di antara China dan Malaysia. Dalam perbincangan yang diadakan dengan pemimpin-pemimpin China, Yang Berhormat Menteri Luar telah menegaskan sekali lagi dasar perhubungan Malaysia dengan China sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam pernyataan bersama di dalam tahun 1974 apabila kedua negara menubuhkan hubungan diplomatik. Dasar tersebut adalah berasaskan perinsip saling hormat-menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah antara satu sama lain, saling tidak campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri masing-masing dan sebagainya. Pihak China telah memuji dasar luar negeri Malaysia sebagai satu dasar yang positif dan pihaknya akan bersikap positif juga terhadap Malaysia. Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menegaskan bahawa untuk kedua-dua negara mempunyai hubungan yang erat perlulah kedua-dua negara mengelakkan daripada berbuat sesuatu yang sensitif yang dapat menjejaskan hubungan itu. Ini juga telah dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin China.

Apa yang dapat difahamkan dari kenyataan ini adalah bahawa pemimpin-pemimpin China mengetahui apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Luar itu.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui, negara China telah memberi jaminan tidak mencampuri hal ehwal luar negeri Malaysia semenjak tahun 1974 lagi. Jaminan itu telah ditegaskan sekali lagi semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri baru-baru ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah mengesyorkan supaya mencari jalan menambahkan perdagangan kita dengan China. Perkara ini telahpun dibincangkan semasa lawatan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri baru-baru ini. Yang Berhormat Menteri itu telah menyarankan supaya China membeli lebih banyak lagi hasil keluaran Malaysia, terutama sekali getah dan minyak kelapa sawit. Pihak China telah pun memberi jaminan untuk menimbang perdagangannya di antara kedua negara. Pemimpin China telah memberi jaminan untuk membeli lebih banyak lagi getah-getah, minyak dan kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya kalau tidak ada larangan daripada Ahli Yang Berhormat, meneruskan ucapan saya bagi menjawab juga teguran-teguran ini bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah nampaknya mendapat kebenaran daripada sahabat-sahabat saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Saya telah meneliti ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator walaupun saya tidak hadir akan menjawab satu-per-satu teguran-teguran itu seberapa yang boleh.

Pertamanya, Yang Berhormat Senator Hajjah Mahimon binti Haji Harun mengesakan Kerajaan mengkaji tentang pembekuan atau pecah milik geran kerana ianya akan melibatkan pemaju-pemaju perumahan bumiputra. Sukalah saya mengingatkan di sini bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri sama ada Negeri Pahang atau negeri lain. Sudah tentu pembekuan permohonan-permohonan pemecahan tanah itu adalah satu-satu tujuan yang mustahak, saya fikir, dan baik untuk negeri tersebut. Jika perkara ini didapati tidak sepatutnya berlaku dan menyesuaikan rakvat, sukacita jika Ahli Yang Berhormat itu menyatakan kes ini dengan nyata atau menulis surat kepada saya dan pihak Kementerian saya akan membongkitkannya kepada pihak Kerajaan Negeri yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah menyentuh mengenai kelewatan Pejabat Tanah menyelesaikan masalah harta pesaka. Di sini suka juga saya memaklumkan bahawa Kerajaan memang sudah sedar masalah tersebut dan sudahpun semenjak 3 tahun lalu mengambil tindakan mengadakan seorang pegawai khas di Pejabat-pejabat Tanah di daerah dan peringkat negeri yang diberi tugas khas dengan penuh masa untuk menyelesaikan masalah bilangan harta pesaka kecil yang bertambun-tambun yang belum diselesaikan.

Saya telah melawat setengah jabatan dan saya dapati nampaknya perkara itu tidak dapat diselesaikan. Kerajaan telah menyemak sekali lagi perkara ini dan didapati cara ini

tidak juga dapat menyelesaikan masalah kelewatan mengambil kuasa dan membahagi harta pesaka pekebun-pekebun kecil.

Ada satu cadangan yang telah dibentangkan oleh Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Undang-undang yang mana difikirkan perkara mengambil kuasa dan pembahagian harta pesaka pekebun kecil ini ditadbirkan oleh Pegawai Undang-undang di bawah jagaan dan kelolaan Kementerian Undang-undang. Ini belum dapat kita jalankan dan saya harap dapat disegerakan, kalau boleh tahun hadapan boleh kita jalankan.

Mengenai perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad, dan juga kalau tidak salah saya Yang Berhormat Tuan Chua Ching Cheng, saya suka menyatakan bahawa memang benar Undang-undang Tanah yang dianuti oleh negara ini tidak menyekat bukan warganegara memiliki harta tanah di negeri ini. Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan tidak akan mengadakan apa-apa pindaan, sekatan dalam Undang-undang Tanah kita bagi menvekat bukan warganegara daripada memiliki tanah di negeri ini.

Negara kita masih memerlukan pelaburan modal dari luar negeri untuk pembangunan dan kemakmuran negara. Adalah difahamkan jika bukan warganegara disekat daripada memiliki harta atau membeli tanah di negeri kita mereka tidak akan berminat pula untuk mengeluarkan modal dan datang ke negara kita menanam modal. Jadi kalau kita salah buat, terburu-buru kita bimbangkan sia-sia sahaja nanti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelajah keluar negeri mengajak orang-orang luar menanam modal di negeri ini masing-masing takut hendak datang ke negara kita. Misalnya, bagi mendirikan kilang-kilang yang menggunakan modal yang berjuta-juta ringgit atau beratus juta ringgit tentulah pelabur-pelabur memohon tanah untuk tapak kilang syarikat itu hendaklah diberi kepada syarikat itu. Kalau kita sendiri menanam modal \$50 juta di negeri orang, tapak kilang pun tidak diberinya, cuma di pajak, kita tidak berani melabur \$10 juta kerana bilabila masa sahaja, tanah itu boleh dicancel dan dihalau keluar. Siapa hendak datang

ke negeri kita? Di sini saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat, Kerajaan-kerajaan Negeri pula yang membuka kawasan-kawasan baru yang luas, tanah-tanah itu untuk pertanian dan tanaman getah, kelapa sawit dan juga buah-buahan tidak lagi sekarang memberi tanah Kerajaan yang luas-luas itu kepada orang-orang yang bukan warganegara atau syarikat-syarikat yang bukan warganegara yang dipunyai oleh orang asing. Tanah-tanah itu telah dikeluarkan kepada Lembaga-Lembaga FELDA, FELCRA, RISDA, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri (PKEN), Tabung Haji, syarikat-syarikat kerjasama dan lain-lain. Tanah yang dikeluarkan itu semuanya akan dipunyai oleh mereka yang miskin yang tiada tanah dan akan dipunyai oleh Ahli-ahli syarikat-syarikat kerjasama negeri ini supaya ramai mempunyai tanah dan tidak lagi 3-4 orang yang dapat beribu ekar.

Tanah-tanah yang dikeluarkan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan juga Lembaga Kemajuan Wilayah seperti DARA, KESEDAR, KEJORA, KETENGAH adalah dimajukan dan dipegang oleh Lembaga itu sebagai amanah kepada rakyat negeri ini dan satu masa kelak akan dipindahmilik secara menjual saham-saham kepada rakyat negeri kita. Dan lagi apabila tanah-tanah Kerajaan dikurniakan kepada rakyat negeri ini atau syarikat-syarikat yang dipunyai oleh rakyat Malaysia adalah disyaratkan tidak boleh dijual atau tidak boleh ditukarmilik, melainkan dengan kebenaran (with permission) dari pihak yang berkuasa iaitu Kerajaan Negeri dan sudah beberapa tahun Kerajaan mengeluarkan tanah, ada syarat-syarat dan kalau pihak yang berkuasa Kerajaan Negeri tidak membenarkannya ditukar maka tidak bolehlah ditukar. Ini satu cara yang telah lama dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengelakkan tanah-tanah itu dipindah milik kepada orang-orang yang bukan warganegara. Tetapi kalau ada pelabur dari luar negeri yang hendak membuat pelaburan dalam negeri ini untuk mendirikan kilang-kilang, perindustrian dan gudang-gudang menambahkan kemajuan industri dalam negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri ada menyediakan tanah atau tapak-tapak bagi mereka itu untuk menggalakkan mereka itu menanam modal dalam negeri kita dan kita berikan tanah itu dengan cara pajak (lease) 30 tahun atau 60 tahun mengikut keadaan masing-masing.

Dari segi pembangunan dan pengangguran yang banyak di negara kita ini pelaburan modal dalam negeri ini adalah sangat-sangat mustahak dan mesti kita galakkan kalau kita hendak mengurangkan pengangguran dan kalau negeri kita hendak bertambah maju dalam segi perindustrian.

Bagi tanah-tanah dan ladang-ladang yang dipunyai oleh bukan warganegara yang kita tahu seperti estate dalam negeri ini atau syarikat-syarikat asing, kita tidak boleh dan tidak patut membuat suatu undang-undang untuk mengambil alih tanah mereka itu, melainkan dengan cara yang tidak menyalahi undang-undang iaitu membeli saham-saham syarikat mereka dengan harga pasaran, sebagaimana yang telah dijalankan oleh setengah-setengah syarikat besar dalam negeri kita dan juga lembaga-lembaga dan agensi-agensi Kerajaan supaya lambat-laun kita dapat balik memiliki tanah-tanah yang dikurniakan kepada mereka itu, khususnya sebelum merdeka dahulu mereka ada ladang dalam negeri ini. Saya mengingatkan iaitu mengadakan undang-undang sahaja walau bagaimana ketat sekalipun tidak akan dapat 100% menahan tanah-tanah di negeri kita ini dipindah milik kepada mereka orang-orang yang bukan warganegara. Kita sedar hari ini tanah-tanah rizab Melayu tidak boleh dipindahmilik telah dipindahmilik oleh setengah-setengah orang kita bumiputra yang tidak bertanggungjawab dijual, pajak (lease) melalui seorang Melayu, padahal yang membelinya orang bukan Melayu, berapa banyak yang menvusahkan Kerajaan? Itu tanah rizab Melayu. Walaupun begitu tanah itu keluar juga dengan cara lain, maknanya orang Melayu pakai orang tengah yang diamanahkan memegang harta itu bagi seorang Tionghua. Kita tidak tahu nama Melayu juga, tanah rizab Melayu.

Lagi satu misalnya baru-baru ini kita dengar di negeri Kelantan. Tanah di negeri Kelantan memanglah tidak boleh dijual melainkan kepada bumiputra, orang Kelantan sendiri. Kita tahu pada masa pemerintahan PAS, beratus ribu ekar kawasan kayu balak, tanah-tanah digadai kepada orang asing. Nasib baik, Alhamdulillah, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed bin Nasir memegang jawatan Menteri Besar Kelantan membekukan tanah-tanah itu, kalau tak habis mengalir keluar.

Ada juga disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil bin Ahmad, Ahli Yang Berhormat dari Kedah. Suka saya menyatakan bahawa Kementerian saya sentiasa mengkaji dan mengawasi pelaksanaan program pembangunan yang ditentukan mengikut Rancangan Malaysia Ketiga. Saya misalkan satu sahaja, hari ini FELDA di bawah jagaan saya sekarang telah membuka tanah hingga seluas 1.1 juta ekar yang telah memberi 10 ekar seorang untuk tanaman getah dan kelapa sawit dan lain-lain kepada mereka yang tidak ada tanah dan tiap-tiap tahun dibuka 100,000 ekar bagi mereka yang tidak ada tanah. Cuba fikir, kalau misalnya \$4,000 sahaja seekor bermakna Kerajaan telah membuka dan memberi kepada mereka yang tak ada tanah sebanyak \$4 billion dan hari ini mendapat hasil, pada bulan lepas yang saya tahu, pukul rata 10 ekar yang ada kelapa sawit itu lebih kurang \$800 hingga \$1,000 dan bagi kebun getah \$400 hingga \$500 sebulan. Ada yang habis tinggi saya tahu yang menerima hingga \$2,400 sebulan, yang asalnya tak ada tanah. Itu cara Kerajaan mengeluarkan tanah-tanah kepada orang miskin.

Selain daripada itu, FELCRA, RISDA, SEDC, KEJORA, DARA dan lain-lain telah mengeluarkan beribu-ribu ekar tanah yang kita keluarkan dengan cara yang tertentu supaya mereka itu tidak lagi membuka sebagaimana cara dahulu. Cara dahulu itu bukan menambah senang, tetapi menambah susah pula, bunyi sahaja orang Melayu ada 10 ekar tetapi hasil tak sama dengan 2 ekar yang dipunyai oleh orang lain, hanya 4-5 batang pokok durian, kebanyakannya semak dan hutan sahaja. Untuk menentukan bahawa orang-orang yang benar miskin, pihak FELDA dan FELCRA mensyaratkan bahawa hanya mereka yang mempunyai tidak lebih daripada 2 ekar tanah pertanian atau tidak ada tanah langsung atau yang ada lot rumah di bandar yang boleh dibenarkan memohon mereka itu mesti berkahwin dan ditemuduga, bukan dia sahaja, isterinya pun ditemuduga, sebab kadang-kadang isterinya boleh menghalang suami itu daripada bekerja, misalnya, cemburu boleh jadi dan yang lelaki itu hendak ditemuduga, badannya tegap tetapi bila disuruh berkebun—pemalas, semua ditemuduga oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai dari agensi FELCRA atau FELDA dan ada pula Wakil-wakil Rakyat Kerajaan Negeri dalamnya memandangkan yang mereka itu betul-betul patut mendapat tanah. Oleh

itu dapatlah jawatankuasa berkenaan menjalankan tugas-tugas dengan sempurna dan kalau ada penyelewengan-penyelewengan berkenaan hal ini harap terus beritahu kepada saya.

Selain daripada itu teguran daripada sahabat saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik yang mengatakan tanah yang diambil untuk public purposes di bawah Land Acquisition Act itu adakah memberi faedah kepada rakyat, terutama sekali orang miskin dan squatters. Sebagaimana kita maklum Kerajaan mengambil tanah melalui Land Acquisition Act ini ialah untuk public purposes, iaitu satu tujuan tertentu bagi negara seperti bangunan sekolah, klinik, tapak LLN dan lain-lain lagi tetapi Kerajaan kadang-kadang terpaksa mengambil tanah membuka jalan dan mengambil tanah yang besar-besar kerana hendak mendirikan rumah-rumah murah supaya orang-orang yang miskin yang tidak berumah akan diberi rumah. Kalau ada pula squatters atas tanah yang kita acquire itu biasanya dialihkan ke satu tempat dan apakala siap rumah yang dibuat di atas tanah yang diacquire itu untuk rumah murah, maka bolehlah squatters itu diberi keutamaan untuk menyewa atau membeli rumah-rumah flat itu.

Saya kata acquire ini mustahak. Saya beri misalnya di sini, Kerajaan Negeri Johor telah melalui acquisition membeli tanah-tanah estet beribu-ribu ekar keliling bandar Johor Bahru sehingga sampai had 20 batu. Di sinilah kebijaksanaan sebuah Kerajaan Negeri yang mana masa dia acquire dahulu harganya murah, \$2,000 hingga \$3,000 seekar, sekarang kalau hendak dibeli tak dapat \$30,000 hingga \$40,000 seekar. Maka tanah-tanah ini semua sekarang di tangan Kerajaan supaya senang Kerajaan Negeri itu menggunakan tanah-tanah itu untuk perumahan dan lain-lain untuk orang yang miskin. Ini menjadi satu tauladan yang patut kita ambil. Kerajaan acquire atau mengambil tanah itu dengan tujuan-tujuan tertentu, bukanlah untuk menyusahkan. walaupun ada kalanya ada squatters ataupun rumah di tepi jalan dan kita hendak membesarkan jalan itu, maka terpaksa Kerajaan acquire tanah itu dan memindahkan mereka itu demi kepentingan negara.

Teguran daripada Yang Berhormat Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob mengatakan Undang-undang Tanah kita mesti dijalankan dengan tegas dan juga memberi faedah kepada pemuda-pemudi dan Kerajaan dikehendaki

memberi tanah untuk projek-projek tanaman. Saya mengatakan di sini sememangnya Kerajaan Negeri telah menjalankan perkara ini, Kerajaan Pusat pun telah menjalankan melalui FELCRA, misalnya. Yang telah dibuka hari ini melalui FELCRA sahaja 35,000 ekar, iaitu rancangan belia yang mana tiap-tiap belia masuk dalam rancangan dan diberi sekurang-kurangnya 8 atau 10 ekar dan mereka itu apakala berkahwin, berkelamin kelak dapat tinggal kesenangan seperti juga orang-orang dalam FELDA. Ini dijalankan tiap-tiap tahun 5,000 ekar. Selain daripada itu, setengah Kerajaan-kerajaan Negeri pula ada membuka rancangan-rancangan tanah-tanah belia dan juga untuk pemuda-pemudi di Johor, di Pahang dan di negeri-negeri lain banyak membuka dengan cara ini.

Selain daripada itu, kalau saya tak salah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada membuka rancangan yang digelar belia peladang yang dibantu oleh Kementerian itu yang mana Kerajaan Negeri memanglah memberi bantuan-bantuan di mana kita nampak dia baru berkampung, kalau ada belia-belia, pemuda-pemudi kita hendak membuka tanah 40-50 ekar, 100 ekar, 20-30 ekar untuk berternak, bertanam dan lain-lain tujuan boleh dipohon kepada Kerajaan Negeri. Kalau susah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri, berhubunglah kepada Kementerian berkenaan, iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atau kepada saya sendiri boleh tolong untuk belia-belia atau pemuda-pemudi untuk mendapat tanah daripada Kerajaan Negeri. Saya memberitahu di sini kerjasama yang rapat antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri sememang ada kerana Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada sekarang itu adalah Kerajaan Barisan Nasional dan kita tidak ragukan kerjasama yang rapat dan boleh kita jalankan.

Had itulah, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi teguran-teguran yang membina dalam perbincangan ini.

4.10 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas pandangan dan teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian Pelajaran.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah kekurangan tempat di pusat-pusat pelajaran tinggi bagi pelajar-pelajar bumiputra dan bukan bumiputra. Seperti yang telah ditegaskan sebelum daripada ini, Kerajaan memang sedar dan sehingga sekarang 5 buah universiti telah ditubuhkan dan 4 daripadanya ialah dalam masa 8 tahun yang lalu. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, sungguhpun peluang untuk mendapat pelajaran adalah hak asasi warganegara, Kerajaan tidaklah dapat menjamin semua pelajar-pelajar yang layak akan mendapat tempat di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.

Mengenai masalah perkembangan universiti-universiti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Choo Ching Hwa ianya memang dibuat berperingkat-peringkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini universiti-universiti di negara kita adalah di dalam peringkat perkembangan dan ini bererti peluang-peluang pelajaran tinggi adalah bertambah dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim telah membangkitkan mengenai masalah pengangguran di kalangan pelajar-pelajar Instituti Teknologi MARA dan lain-lain pusat pengajian tinggi. Adalah tidak benar bahawa mutu sijil yang dikeluarkan oleh Instituti Teknologi MARA adalah rendah. Oleh sebab kemampuan Kerajaan untuk mengambil pekerja-pekerja untuk bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan adalah terhad, maka adalah juga merupakan tanggungjawab bagi pihak kalangan swasta untuk mengambil pelajar-pelajar lepasan pusat pengajian tinggi bekerja dengan syarikat-syarikat swasta. Dalam pada itu Kerajaan tidaklah dapat memaksa pihak swasta mengambil pekerja-pekerja yang tidak dikehendaki olehnya. Bagi pihak Kerajaan sebelum satu-satu universiti itu menetapkan kursus-kursus yang hendak diadakan, keperluan kalangan swasta adalah ditinjau terlebih dahulu, dan kursus-kursus akan hanya diadakan sekiranya permintaan ternyata ada dikalangan swasta.

Untuk memperbaiki lagi mutu pelajaran di sekolah-sekolah rendah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim, Kementerian Pelajaran telah memulakan rancangan kelas pemulihan. Pelajar-pelajar yang lembab akan

diberi bimbingan yang khusus oleh guru-guru yang terlatih dalam mata pelajaran di mana mereka didapati agak lemah.

Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim juga telah membangkitkan masalah kemerosotan keputusan peperiksaan MCE/SPM dan LCE/SRP dalam tahun 1977 terutama bagi calon-calon luar bandar. Sebenarnya tidak ada bukti yang tepat menunjukkan telah berlaku kemerosotan keputusan peperiksaan di kalangan penuntut-penuntut di luar bandar. Sungguhpun demikian saya mengakui bahawa sekiranya dibandingkan dengan pelajar-pelajar di bandar, keputusan yang dicapai oleh pelajar-pelajar di luar bandar adalah agak kurang memuaskan. Punca kelemahan ini bukanlah terletak semata-mata kepada kekurangan peralatan, tempat tinggal atau asrama dan guru-guru berijazah sahaja tetapi juga oleh lain-lain faktor umpamanya sosio ekonomi dan pengaruh alam sekitar yang terdapat di luar bandar. Dari masa ke semasa Kerajaan sentiasa memperbaiki taraf sosio ekonomi luar bandar bagi mengatasi masalah ini. Di samping itu Kerajaan juga telah dan akan menambah kemudahan-kemudahan pelajaran di luar bandar seperti bilik-bilik darjah, perabot dan sebagainya. Dari segi penempatan guru pula adalah menjadi dasar Kementerian bagi menempatkan seberapa ramai yang boleh guru-guru berijazah di luar bandar terutama sekali guru-guru yang mengajar matapelajaran Sains, Hisab dan Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan pelajaran di luar bandar sangat berkurangan dan jumlah biasiswa yang tidak mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Sekolah Menengah Kementerian Pelajaran menghadihkan Biasiswa Kecil Persekutuan khas untuk penuntut-penuntut Tingkatan I hingga V. Bagi Pelajar-pelajar Tingkatan VI atau Pra-Universiti Kerajaan menghadihkan biasiswa atau dermasiswa dari Tingkatan VI Rendah hingga Tingkatan VI Atas. Kadar hadiah biasiswa atau dermasiswa adalah bergantung kepada latar belakang kewangan ibubapa atau penjaga penuntut itu selain daripada kemajuan akademiknya.

Dengan itu Kementerian ini mengutamakan penuntut-penuntut yang ibubapa atau penjaga mereka berpendapatan rendah yang kebetulan pula kebanyakan berasal dari luar bandar.

Pada keseluruhannya mutu pelajaran di sekolah-sekolah sekarang tidaklah boleh dikatakan rendah seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Senator Abdullah bin Salleh. Bagaimanapun Kementerian Pelajaran senantiasa berazam untuk meninggikan mutu pengajian atau prestasi murid-murid di bidang pelajaran di semua sekolah di negara ini tanpa mengira aliran, tempat dan saiz sekolah. Kementerian Pelajaran sedang mengkaji nisbah guru-murid dan kelas-murid yang berjalan sekarang. Kajian yang teliti amat perlu kerana melibatkan peruntukan kewangan (Pertambahan tenaga pengajar, bilik darjah dan sebagainya).

Tugas-tugas guru selain daripada mengajar tidak menjejaskan keupayaan guru-guru mengajar kerana tugas-tugas itu telah diagihkan secara adil.

Mengenai peruntukan waktu belajar tiap-tiap matapelajaran telah disesuaikan mengikut kepentingannya sesuatu matapelajaran itu. Apa yang dijalankan sekarang dianggap memadai.

Berkait dengan waktu kerja luar bilik darjah, biasanya ia tidak mengganggu jadual waktu harian biasa kerana ia dijalankan di luar waktu biasa dan pada hari Sabtu. Kerja-kerja mengenai sukan tahunan, permainan dan perayaan-perayaan sekolah biasanya dijalankan pada penggal I dan penggal II persekolahan.

Bagi mengawasi waktu perjalanan sekolah-sekolah samada dari segi pengajaran mahupun bantuan-bantuan, Nazir-nazir sekolah mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah dari semasa ke semasa.

Mengenai teguran-teguran dan pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sentuh dalam jawapan saya ini, pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

4.15 ptg.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada dua orang Senator, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub dan Yang Berhormat Senator Michael Wong Kuan Lee yang telah menimbulkan soal kebudayaan dalam Dewan ini.

Di sini sukalah saya menjelaskan bahawa Kerajaan adalah menggalakkan sebarang kegiatan kebudayaan yang berunsurkan ciri-ciri kebudayaan kebangsaan. Dasar kebudayaan kebangsaan tentang hal ini adalah sudah jelas dan tidak perlu saya terangkan lagi. Kebudayaan-kebudayaan kesukuan yang banyak dalam negeri ini boleh di-amalkan oleh masing-masing suku kaum sesuai dengan hasrat Perlembagaan dan Rukunegara.

Sepanjang yang saya tahu dan saya ingat Kerajaan tidak pernah menghalang, lebih-lebih lagi mencegah sebarang perkembangan kebudayaan kesukuan di negeri kita ini. Fahaman tentang ini dengan sendirinya akan menghilangkan kecurigaan di kalangan setiap lapisan rakyat dan kerana itu masalah paksaan tidaklah timbul sama sekali kerana Kerajaan adalah mematuhi dasar ini.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan membuat syor-syor berhubung dengan perkara-perkara mengenai Kementerian Kewangan. Kementerian saya akan memberi perhatian kepada perkara-perkara itu dan menimbangkannya mana yang patut.

Walau bagaimanapun, suka saya memberi penjelasan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel telah menyentuh tentang soal penyeludupan dadah dari negara kita keluar negeri. Menurut beliau, perkara ini berlaku kerana kawalan Kastam, antara lain, tidak begitu cekap terhadap penumpang-penumpang yang keluar negeri.

Suka saya menjelaskan bahawa dadah yang diedarkan oleh orang-orang Malaysia ke luar negeri itu tidak boleh dikatakan datangnya dari negara kita kesemuanya. Adalah diketahui bahawa pembawa-pembawa dari negara ini yang ditangkap di negeri-negeri Eropah mendapat kebanyakan dadah-dadah tersebut daripada pusat-pusat hubungan yang terkenal di luar negeri. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar dari dadah berbahaya bukanlah diseludup keluar dari negara ini.

Namun demikian, pihak berkuasa seperti Jabatan Kastam dan Eksais di Raja sentiasa menjalankan pemeriksaan yang rapi serta teliti dari masa ke semasa atas penumpang-penumpang serta barang-barang yang masuk dan keluar dari negara ini. Jabatan itu pada masa ini sedang mengambil tindakan untuk menguatkan lagi Bahagian Pencegah dalam Jabatan tersebut serta menubuhkan Yunit Anjing NARCO di Bahagian Utara, khususnya di Pulau Pinang dan Alor Setar. Pemeriksaan 100% ke atas penumpang-penumpang serta barang-barang adalah tidak begitu praktik oleh sebab tindakan sedemikian akan mengakibatkan kesesakan dan sebagainya.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah supaya kadar-kadar tarif diturunkan untuk memperluaskan impot dan eksport di antara negara-negara ASEAN, sebenarnya perkara ini telah, sedang dan akan dilaksanakan. Pada masa ini suatu jawatankuasa di peringkat kebangsaan telah ditubuhkan untuk merundingkan, antara lain, keutamaan-keutamaan tarif bagi barangan-barangan dari negara-negara ASEAN. Jawatankuasa tersebut dipertanggungjawabkan untuk mengkaji serta mengemukakan cadangan-cadangan mengenai barangan-barangan yang boleh ditawarkan keutamaan atau penurunan tarif kepada negara-negara ASEAN untuk pertimbangan Kerajaan. Setakat ini negara-negara ASEAN telah bersetuju bertukar-tukar keutamaan tarif bagi lebih kurang 320 barangan. Dari jumlah ini Malaysia telah menawarkan keutamaan tarif terhadap lebih kurang 160 barangan.

Dalam menimbangkan sesuatu cadangan untuk menurunkan tarif bagi sesuatu barangan, faktor-faktor berikut perlu dipertimbangkan:

- (i) Tawaran-tawaran keutamaan tarif itu adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk menjamin kesetabilan harga barang yang boleh melibatkan kos penghidupan rakyat;
- (ii) Perkembangan industri-industri tempatan tidak akan terjejas dengan tawaran-tawaran tersebut; dan
- (iii) Tawaran-tawaran itu melibatkan pengorbanan hasil Kerajaan yang paling minima.

Soal pemberian keutamaan tarif bagi negara-negara ASEAN adalah dilakukan secara barangan demi barangan (product by product basis). Ini adalah perlu kerana kajian yang teliti harus dibuat mengenai kesan-kesan dari tawaran-tawaran tersebut ke atas negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa ASEAN Mengenai Perdagangan dan Pelancungan, iaitu jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk merundingkan keutamaan-keutamaan perdagangan termasuk keutamaan tarif bagi negara-negara ASEAN selalunya mengadakan mesyuarat tiap-tiap 3 bulan sekali di Singapura. Dalam tiap-tiap mesyuarat negara-negara ASEAN dikehendaki membuat tawaran-tawaran untuk keutamaan perdagangan bagi sekurang-kurangnya 100 barangan. Tawaran-tawaran tersebut boleh dibuat dalam bentuk tawaran sukarela (voluntary offers) atau secara rundingan dua hala antara sebuah negara ASEAN dengan sebuah negara ASEAN yang lain.

Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid telah menyentuh tentang kesulitan kontrektor-kontrektor kecil Bumi-putra yang lewat mendapat bayaran bagi kerja-kerja yang telah disiapkan seperti kerja-kerja di Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Talikom.

Kerajaan sedar tentang perkara ini dan langkah-langkah tertentu bagi menyelesaikan masalah ini telah pun diambil. Sebuah Yunit Khas semata-mata untuk menyelesaikan masalah ini telah pun ditubuhkan di Kementerian Kewangan pada awal tahun ini. Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan juga telah memaklumkan kontrektor-kontrektor yang menghadapi masalah pembayaran lewat supaya mengemukakan aduan-aduan mereka kepada Yunit tersebut untuk tindakan.

Di samping itu kajian-kajian tertentu di atas masalah pembayaran lewat dengan tujuan memperbaiki sistem pembayaran sentiasa dibuat oleh Kerajaan. Suatu kajian mendalam mengenai masalah ini dibuat oleh Kerajaan di atas Kementerian-kementerian tertentu iaitu Kementerian Pertahanan, Kesihatan dan Kementerian Pelajaran. Kajian ini telah pun disempurnakan dan pada masa ini syor-syor kajian tersebut adalah dalam peringkat pelaksanaan di Kementerian Pertahanan.

4.24 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tun Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pertanian tatkala membahaskan usul ucapan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Pduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak beberapa hari yang lalu.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan ke atas pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat; setiap pandangan yang diberikan itu mendapat perhatian yang sungguh-sungguh dari Kementerian saya dan akan dikaji dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang hendak menyentuh tiap-tiap Ahli Yang Berhormat Yang bercakap tetapi akan cuba memberi jawapan secara ringkas berhubung dengan perkara-perkara yang ditimbulkan di dalam perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pertanian negara yang sedang digubal sekarang akan merangkumi setiap kehendak yang diperlukan di dalam usaha memajukan sektor pertanian di negara ini. Saya yakin Jawatankuasa Kabinet yang telah ditubuhkan itu akan meneliti setiap keperluan yang meliputi semua aspek yang berkaitan dengan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan mengenai masalah pengeluaran beras yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Dasar Kerajaan ialah untuk mengeluarkan beras secukupnya bagi keperluan negara. Untuk tujuan tersebut Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah membantu dan memberi insentif termasuklah mengadakan jaminan harga, membahagi-bahagikan benih-benih jenis baru, menyediakan kemudahan-kemudahan taliair, menjalankan penyelidikan-penyelidikan yang perlu memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan kredit, memperbaiki pemasaran menerusi penubuhan Lembaga Padi dan Beras Negara. Langkah-langkah tersebut telah memberi hasil yang amat menggalakkan. Sebagai contohnya pengeluaran beras negara telah meningkat daripada kira-kira 600,000 tan dalam tahun 1963 kepada kira-kira 1.4 juta tan di dalam tahun 1976. Pada masa ini keluasan kawasan

padi ialah 930,000 ekar di seluruh negara. Daripada keluaran yang tersebut 549,525 ekar boleh ditanam padi dua kali setahun. Kebolehan penanaman padi dua kali setahun ini telah memberi kesan yang besar di dalam usaha menambahkan pengeluaran beras negara.

Satu perkara yang berkait rapat dengan usaha-usaha hendak menambahkan pengeluaran beras negara ini ialah kerosakan yang dialami di waktu dan selepas menuai. Pada masa ini kira-kira 10% kerosakan di waktu dan selepas menuai dialami yang melibatkan kira-kira \$100 juta. Kementerian Pertanian telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan kerosakan yang demikian itu. Usaha ini akan mempengaruhi pengeluaran beras di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian juga sedang mengambil langkah-langkah mengurangkan bahan-bahan makanan yang diimpot. Kajian-kajian telah dibuat ke atas berbagai jenis tanaman yang boleh diusahakan di negara kita ini terutama sekali sayur-sayuran. Permulaan telahpun dibuat di mana kobis yang lazimnya ditanam di tanah-tanah tinggi, kini ditanam di tanah-tanah rendah. Usaha-usaha ini dilaksanakan menerusi agensi-agensi Kerajaan seperti Lembaga Pertubuhan Peladang. Pada masa ini Koperasi Peladang sedang meneroka rancangan-rancangan tanaman berkelompok. Sehingga tahun ini sebanyak 326 rancangan berkelompok sedang diusahakan yang melibatkan lebih dari 10,000 ekar tanah dan lebih dari 6,000 petani terlibat dalam kegiatan tersebut di mana tanaman-tanaman seperti cili, ubi kayu, bawang merah dan lain-lain dilaksanakan. Saya percaya apabila rancangan ini diperluaskan ianya akan memainkan peranan penting untuk mengurangkan beban mengimpot bahan-bahan makanan. Kementerian Pertanian memanglah bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan projek-projek pertanian bukan sahaja untuk mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup tetapi juga untuk meninggikan pendapatan petani-petani. Tekanan ditumpukan supaya dilaksanakan projek-projek secara yang disatukan. Pada peringkat kawasan yang luas seperti di kawasan MUDA, KEMUBU, barat laut Selangor, Krian, Sungai Manik, Besut dan lain-lain sesuai dengan matlamat demikian, maka Kementerian Pertanian dengan mengambil tindakan untuk melancarkan projek-projek

pertanian yang demikian di kawasan-kawasan seperti Pahang Barat dan di Balik Pulau. Tempat-tempat lain yang sesuai juga akan dikaji dan dilakukan dari semasa ke semasa.

Mengenai menternak ikan air tawar, Kementerian Pertanian memanglah memberi tumpuan yang besar memandangkan kepada merosotnya sumber ikan dari laut. Petani-petani adalah digalakkan menternak ikan air tawar dan mereka akan dibantu menerusi rancangan subsidi yang ada di bawah Kementerian ini. Tekanan yang dibuat itu dapat disaksikan dengan bertambahnya peruntukan yang diberikan iaitu \$120,000 di bawah Rancangan Malaysia Kedua, bertambah menjadi \$2.7 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Bantuan-bantuan yang diberikan ialah untuk membina kolam-kolam, menyediakan peralatan kolam dan juga anak-anak ikan secara percuma. Pada masa ini terdapat 11,531 buah kolam di seluruh negara yang meliputi kawasan seluas 11,853 ekar. Di samping itu Kementerian juga membantu penternak-penternak ikan di dalam sangkar dan menternak ikan air payau. Kementerian berharap dengan adanya bantuan-bantuan ini maka ianya bukan sahaja akan dapat menambahkan pengeluaran ikan air tawar dan ikan air payau, tetapi juga meninggikan pendapatan di kalangan petani-petani dan nelayan.

Mengenai harga ikan dan udang yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terlalu mahal harganya, saya inginlah menjelaskan bahawa kedudukan yang demikian itu sebanyak-sedikit menguntungkan nelayan-nelayan sendiri dan membantu menambahkan pendapatan mereka. MAJUIKAN sedang berusaha hendak mengstabilkan harga ikan supaya nelayan-nelayan mendapat untung yang sewajarnya dan orang ramai juga tidak terpaksa membeli dengan harga yang mahal.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.35 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

4.50 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad kerana di dalam ucapan perbahasan atas Titah Ucapan Diraja, beliau telah menyentuh beberapa perkara mengenai MARDEC yang jatuh di bawah tanggungjawab Kementerian saya.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah membangkitkan soalan kenapa harga getah yang diberikan oleh MARDEC kepada pekebun-pekebun kecil getah lebih rendah jika dibandingkan dengan harga yang diperolehi di estet-estet.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa penentuan harga getah adalah bergantung kepada beberapa faktor seperti kualiti getah, jumlah pengeluaran getah, kos memproses dan kos pengangkutan. Pada kebiasaannya getah keluaran sektor estate-estate mendapat harga yang lebih tinggi adalah kerana mutu pengeluaran dan hasil pengeluaran mereka yang tinggi, hasil daripada pemerosesan dan pengawasan yang baik dan dipasarkan menerusi kemudahan infrastruktur yang baik. Manakala sektor pekebun kecil pula menghadapi beberapa kekurangan dari segi kemudahan memproses dan infrastruktur, oleh itu harga yang diperolehi oleh pekebun-pekebun kecil sudah tentulah lebih rendah jika dibandingkan dengan sektor estate.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya tegaskan di sini bahawa sejak MARDEC menjalankan operasinya harga-harga yang ditawarkan oleh MARDEC kepada pekebun-pekebun kecil adalah berpatutan malahan lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh pembeli-pembeli swasta. Kementerian saya dari masa ke semasa akan sentiasa mengawasi supaya MARDEC berjalan sejajar dengan tugas dan tanggungjawab yang telah diberikan kepadanya iaitu untuk memperbaiki mutu pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil dan memperbaiki saluran pemasaran mereka bagi mendapatkan harga yang berpatutan.

5.53 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan serta teguran-teguran yang membina mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya sukalah memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya percaya akan memberi faedah dan munafaat kepada rakyat dan negara.

Mengenai tambang MAS yang mahal, saya suka menjelaskan bahawa tambang kapalterbang perkhidmatan dalam negeri adalah tidak mahal dan telah ditetapkan mengikut asas-asas tertentu. Semenjak perkhidmatan MSA dahulu tambang kapalterbang telahpun dinaikkan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1974 sebanyak 10% dan pada tahun 1976—15%. Kenaikan ini adalah dipersetujui oleh Kerajaan apabila MAS menghadapi kenaikan kos perbelanjaan termasuk gaji, minyak dan sebagainya. Oleh yang demikian, pihak MAS tidak bercadang menurunkan tambang kapalterbang dalam negeri.

Berkenaan dengan masalah kelambatan atau pembatalan penerbangan ini adalah disebabkan oleh beberapa perkara terutama sekali keadaan cuaca yang buruk dan kerosakan kapalterbang yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu adalah tidak wajar, sebagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, supaya MAS mengadakan kapalterbang simpanan semata-mata untuk mengelakkan kelambatan ataupun pembatalan penerbangan kerana langkah seumpama ini tidak ekonomik. Walau bagaimanapun pihak MAS akan sentiasa mengawasi perkara ini dan akan cuba dengan sedaya upaya untuk mengelakkan kelambatan atau pembatalan penerbangan.

Berhubung dengan teguran kerusi kapalterbang terutamanya di Fokker Friendship (F27) yang dikatakan lama dan tidak sesuai itu, kerusi-kerusi dalam kapalterbang tersebut dijaga dengan baik dan ditukar dari masa ke semasa untuk keselesaan penumpang-penumpang.

Menyentuh tentang langkah-langkah yang diambil di lapanganterbang-lapanganterbang sejajar dengan pertambahan pelancung-pelancung di negara ini suka saya menyatakan segala kemudahan-kemudahan yang disediakan sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa untuk menyesuaikan dengan perkembangan masa, pertambahan bilangan penumpang dan terafik udara. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) membesar dan meluaskan lagi lapanganterbang-lapanganterbang seperti lapanganterbang Subang dan Pulau Pinang;
- (ii) membina 'luggage conveyor' yang baru dan membesarkan kawasan kastam di Lapanganterbang Subang;
- (iii) mengadakan 'immediate face-lift' untuk mengindahkan lagi rupa bentuk lapanganterbang-lapanganterbang sekarang.

Berkenaan dengan perkara pegawai-pegawai di Keretapi Tanah Melayu dan RIMV tidak dapat menjalankan kerja mereka dengan cekap oleh sebab tekanan politik, setakat yang diketahui oleh Kementerian, keadaan ini tidak berlaku. Pada amnya kakitangan Keretapi Tanah Melayu dan Road Transport Department tidaklah boleh dikatakan bersikap negatif dan tidak berjiwa rakyat. Mungkin ada sebilangan kecil kakitangan yang bersikap sedemikian akan tetapi kakitangan seperti ini boleh dikatakan berada di mana-mana jabatan juga.

Untuk mengatasi masalah ini, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah melancarkan satu kempen 'Berdisiplin dan Berbudi Bahasa' di seluruh sistem KTM pada awal bulan ini dengan tujuan, di antara lain, meningkatkan lagi semangat di kalangan semua kakitangan supaya mengamalkan sifat berbudi bahasa, bersopan santun dan berdisiplin di dalam memberi perkhidmatan serta membaharui azam "kepada rakyat kami berkhidmat".

Mengenai kakitangan Jabatan Pengangkutan jalan pula, saya rasa teguran itu terlalu umum kerana Yang Berhormat Senator berkenaan tidak menyatakan Pejabat dan pegawai-pegawai yang tertentu. Walau bagaimanapun, Kerajaan baru-baru ini telahpun mengambil langkah yang perlu untuk meningkatkan lagi prestasi Jabatan Pengangkutan Jalan dengan menempatkan pegawai yang

berkelibar serta mengadakan kemudahan-kemudahan moden bagi meningkatkan lagi mutu kecekapan dan perkhidmatan jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ramalan cuaca yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim, saya diberitahu oleh Jabatan Kajicuaca bahawa ramalan-ramalan cuaca tempatan di kawasan-kawasan tropika melibatkan berbagai faktor yang berubah-ubah dan yang tidak dapat diketahui (unknown variable) disebabkan ketiadaan "undefined weather system". Tidak seperti kawasan-kawasan dilatitude tinggi. Inilah sebab utama mengapa ramalan-ramalan cuaca tempatan di kawasan-kawasan tropika di seluruh dunia tidak dapat diberi dengan istilah-istilah yang lebih spesifik. Dengan demikian ramalan-ramalan cuaca yang diberikan pada masa ini adalah sebagai garis-garis panduan am yang ditujukan hanya kepada mereka yang aktiviti-aktiviti mereka ada kaitannya dengan perubahan-perubahan cuaca.

Bagaimanapun dalam musim tengkujuh yakni semasa North East Monsoon, ramalan-ramalan cuaca yang lebih spesifik dan lengkap dengan butir-butir mengenai keadaan-keadaan angin dan laut sentiasa dikeluarkan dalam bentuk nasihat-nasihat atau amaran-amaran kajian cuaca yang ditujukan khas kepada kaum nelayan. Nasihat-nasihat atau amaran-amaran ini lebih spesifik dengan memasukkan butir-butir yang lebih mendalam mengenai berbagai "meteorological tarameters".

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia sedar akan hakikat ini dan mencuba seberapa daya untuk terus memperbaiki lagi kecekapannya dalam perkara ini. Kerana inilah Malaysia sekarang menjadi tuan rumah kepada satu percubaan antarabangsa yang digelar MONEX (Monsoon Experiment) yang dijadualkan bermula pada 1hb Disember 1978 dan akan berjalan selama tiga bulan untuk mengatur usaha-usaha memperolehi fahaman yang lebih mendalam mengenai "atmosphere" dengan tujuan memperbaiki lagi ramalan-ramalan cuaca untuk kepentingan penduduk-penduduk negara kita.

Mengenai syor supaya diadakan perhubungan keretapi di Trengganu dan Pelabuhan Kuantan, ingin saya nyatakan di sini Kerajaan mempunyai cadangan tersebut sejak tahun 1975 dan satu Kajian Am Mengenai

Keretapi/Pengangkutan (General Transport/Railway Studies) telah diadakan. Berdasarkan kepada Lapuran Kajian Am ini, pihak Kerajaan rasa rancangan tersebut belum lagi sampai untuk diadakan. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat itu akan sentiasa diambil perhatian dan jika didapati perlu Kerajaan akan menimbangkannya terutamanya di segi implikasi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya mengenai cadangan supaya pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti memandu secara merbahaya dan sebagainya diendorse lesennya, suka saya menjelaskan bahawa di bawah Ordinan Lalu-lintas Jalan, 1958 (Road Traffic Ordinance, 1958) ada mengandungi peruntukan-peruntukan yang memberi kuasa kepada mahkamah untuk berbuat demikian.

5.04 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengambil kesempatan untuk memberi jawapan-jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran di dalam ucapan menjunjung kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga saya suka mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih atas teguran-teguran yang berguna (constructive) yang telah disampaikan dalam Dewan ini.

Berhubung dengan apa yang telah ditegur oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad berkaitan dengan pilihanraya dan pendaftaran pemilih di mana beliau telah melahirkan rasa kesalnya di atas banyaknya kertas-kertas penamaan calon yang telah ditolak oleh Suruhanjaya Pilihanraya di dalam Pilihanraya Umum yang berlalu baru-baru ini. Di samping itu, beliau juga mendakwa bahawa ada pengundi-pengundi yang telah pergi ke tempat-tempat pengundian tetapi mendapati nama mereka tidak ada dalam daftar pemilih. Seterusnya beliau juga merasa kesal kerana ramai mereka yang layak untuk didaftarkan sebagai pemilih telah tidak didaftarkan sedemikian oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan oleh itu beliau berharap agar Kerajaan mencari jalan bagaimana hendak mendaftarkan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua jika ditafsirkan teguran-teguran itu Ahli Yang Berhormat itu seolah-olah menuduh Suruhanjaya Pilihanraya telah tidak menjalankan tugasnya

dengan cekap dan sempurna. Saya menolak anggapan demikian dan ingin menyatakan bahawa Kerajaan adalah yakin Suruhanjaya Pilihanraya sebagai Badan Bebas (Independent Body) telah dapat menjalankan segala tanggungjawabnya dengan penuh ketegasan serta mengikuti lunas-lunas undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada. Misalnya mengenai penolakan kertas-kertas penamaan calon dalam Pilihanraya Umum yang lalu, sukalah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya mempunyai dasar-dasar yang tertentu dalam menerima atau menolak satu-satu kertas penamaan calon.

Dalam hal ini Suruhanjaya Pilihanraya telah mengambil tindakan untuk menjemput semua parti-parti siasah yang berdaftar untuk menghadiri satu mesyuarat pada 17hb Jun, 1978 iaitu sebelum hari penamaan calon untuk menerangkan kepada wakil-wakil parti siasah yang hadir cara-cara bagaimana kertas-kertas penamaan calon itu patut diisi oleh bakal-bakal calon mereka. Tujuannya ialah supaya kertas-kertas penamaan yang diisi itu akan diterima oleh pegawai-pegawai pengurus yang berkenaan. Malangnya, meskipun parti-parti siasah telah dinasihatkan cara-cara bagaimana hendak mengisi kertas-kertas penamaan calon, namun ada juga kesilapan-kesilapan telah berlaku dan itu pegawai-pegawai pengurus yang berkenaan tak dapat tiada terpaksa menolak kertas-kertas penamaan calon yang tidak teratur itu dan dalam menjalankan tugasnya itu. Suruhanjaya Pilihanraya bersikap adil dan saksama kerana bukan sahaja kertas-kertas penamaan calon-calun Pembangkang yang telah ditolak malah beberapa kertas penamaan calon Barisan Nasional telah juga ditolak.

Namun begitu, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menerangkan bahawa keputusan yang telah diambil oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu adalah berasaskan kepada tafsirannya terhadap undang-undang yang sedia ada dan sekiranya ada pihak-pihak yang tidak berpuashati maka mereka bolehlah mengemukakan rayuan pilihanraya untuk diputuskan oleh Hakim Pilihanraya dan keputusan itu akan didapati oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat menyebutkan tentang adanya pengundi-pengundi yang telah pergi ke tempat mengundi tetapi mendapati namanya tidak

ada di dalam daftar pemilih, ingin saya menerangkan di sini bahawa ini mungkin kerana mereka yang berkenaan itu tidak didaftarkan sebagai pemilih pada mulanya. Sekiranya nama mereka ada terdaftar sebelumnya maka nama mereka akan terus tercatat dalam daftar pemilih yang digunakan dalam Pilihanraya yang lalu kerana nama-nama pemilih yang sedia terdaftar tidak akan dipotong daripada daftar-daftar pemilih kecuali:

- (1) Suruhanjaya Pilihanraya diberitahu oleh pemilih itu sendiri bahawa ianya ingin didaftarkan di kawasan pendaftaran yang berlainan atau
- (2) Suruhanjaya Pilihanraya diberitahu oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Pendaftaran Beranak dan Mati dan Pejabat Pendaftaran Negara bahawa mereka yang berkenaan telah mati atau telah hilang kelayakan menjadi pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini ingin juga saya menerangkan bahawa amalan Suruhanjaya Pilihanraya untuk meminta Penolong-penolong Pegawai Pendaftarannya berkunjung dari rumah ke rumah untuk menyemak daftar pemilih telah diberhentikan selepas pilihanraya umum tahun 1974 dan semenjak itu urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih telah hanya dijalankan di tempat-tempat yang telah ditetapkan. Tuan Yang di-Pertua, langkah ini telah dapat mengelakkan berlakunya pemotongan-pemotongan serta keciciran nama-nama pemilih sebagaimana yang telah berlaku dalam tahun 1973 dan 1974 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini perlu saya tegaskan bahawa memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih sahaja tidak mencukupi kerana adalah menjadi tanggungjawab pemohon itu sendiri untuk memastikan namanya dimasukkan dalam rang daftar pemilih apabila rang daftar itu dipamerkan untuk pemeriksaan orang ramai. Maka ini wajiblah rakyat sendiri yang mengambil inisiatif untuk menentukan namanya ada dalam daftar. Sekiranya pemohon itu mendapati namanya tidak ada dalam rang daftar pemilih yang dipamerkan kemudiannya untuk pemeriksaan orang ramai maka pemohon itu boleh membuat tuntutan kepada pegawai Pendaftaran yang berkenaan menuntut supaya namanya dimasukkan dalam daftar pemilih dengan menunjukkan surat akuan

yang diberi kepadanya sebagai bukti, sebagai satu kenyataan. Dan jika didapati benar namanya tidak dimasukkan di dalam rang daftar pemilih yang berkenaan maka tindakan akan diambil untuk memasukkan namanya di dalam rang daftar yang tersebut. Sekiranya tidak ada tindakan atau bantahan diterima maka pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan menganggap bahawa rang daftar pemilih itu adalah teratur dan akan terus mengesahkannya. Walau bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai bukti-bukti apa yang didakwanya itu, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan kepada Suruhanjaya Pilihanraya untuk disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa ramai mereka yang berkelayakan menjadi pemilih tidak didaftarkan sedemikian oleh Suruhanjaya Pilihanraya, ini juga adalah tidak benar kerana segala peluang telahpun diberi kepada mereka yang demikian untuk didaftar sebagai pemilih setiap tahun oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak lebih kurang daripada 3,500 tempat mendaftar dan 4,000 Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran telah dilantik untuk menjayakan urusan pendaftaran dan menyemak daftar-daftar pemilih setiap tahun sepanjang tempoh pendaftaran dan sesiapa sahaja yang memohon untuk didaftar sebagai pemilih, dan tempoh itu lazimnya di antara 30-42 hari, akan didaftar oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan syarat mereka itu mempunyai kelayakan-kelayakan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu ditegaskan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab seseorang itu untuk memohon didaftarkan sebagai pemilih. Sekiranya seseorang itu tidak membuat permohonan maka Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat berbuat apa-apa untuk memaksa mereka kerana soal pendaftaran pemilih adalah satu perkara yang voluntary.

Untuk didaftarkan semua yang berkelayakan sebagai pemilih sebagaimana yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang mustahil hendak dilaksanakan kerana:

- (1) Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh mengetahui mana-mana warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun dan mempunyai kelayakan untuk menjadi pemilih.

- (2) Suruhanjaya Pilihanraya terpaksa mencari dan menemui mereka itu untuk didaftarkan, sedangkan Suruhanjaya Pilihanraya tidak tahu di mana mereka berada melainkan menemui dan menyoal tiap-tiap penduduk di dalam negara ini. Ini adalah mustahil untuk dilaksanakan.
- (3) Jika mereka dijumpai sekalipun, yang berkenaan boleh menyatakan keengganan mereka untuk mendaftar sebagai pemilih dan Suruhanjaya Pilihanraya tidak mempunyai kuasa untuk memaksa mereka mendaftar, melainkan di dalam negara-negara yang dipaksa mereka keluar mengundi.
- (4) Oleh kerana negara kita mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, maka jika mereka diwajibkan mendaftar dan kemudiannya mengundi, ini adalah melanggar prinsip-prinsip dan semangat demokrasi itu sendiri.
- (5) Dalam keadaan-keadaan yang dipaksa diwajibkan sekalipun seperti mendapatkan kad pengenalan the onus is on the individual person concerned, and not on the Registration Department. Dengan perkataan lain, kecuali mereka yang berkenaan membuat permohonan, Jabatan Pendaftaran Negara tidak akan mengeluarkan kad pengenalan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada alasan-alasan yang saya sebutkan di atas tadi Kerajaan berpendapat bahawa sistem pendaftaran pemilih yang sedia ada adalah memuaskan dan oleh itu tidak bercadang untuk mengubahnya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara berkaitan dengan pilihanraya telah juga disentuh oleh saudara saya Senator Kamarul Ariffin. Antara lain beliau telah menyentuh tentang borang kertas penamaan calon yang telah digunakan di dalam pilihanraya umum yang lalu yang mana pada pendapatnya telah dicetak oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam tahun 1973. Mengikut Legal Notification A. 239/1973 telah meminda borang-borang tersebut. Dalam hal ini, ingin saya menjelaskan di dalam pilihanraya umum 1978 yang baru lalu borang-borang yang telah digunakan adalah terdiri daripada (i) baki borang-borang penamaan calon yang dicetak di dalam tahun 1974 dan (ii) borang-borang itu telah dicetak semula pada tahun 1978.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun diakui bahawa borang-borang tahun 1974 telah tersilap cetak namun Suruhanjaya Pilihanraya telah mengambil tindakan untuk meminda borang-borang tersebut dengan menggunakan "rubber stamp" di tempat-tempat yang berkaitan seperti menggantikan perkataan-perkataan nama atau baka (surname) dan nama-nama lain jika ada (alias if any). Oleh itu, pada keseluruhannya borang-borang tersebut adalah teratur dan sesuai dengan segala pindaan-pindaan yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah menggunakan baki borang-borang yang telah dicetak di dalam tahun 1974 itu semata-mata kerana tidak mahu membazirkan borang-borang yang sedia ada kerana kosnya banyak.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa borang-borang tersebut telah menimbulkan kekeliruan kepada bakal-bakal calon oleh sebab bahasa yang digunakan. Ini adalah tidak benar kerana bahasa yang digunakan di dalam borang adalah bahasa yang mudah. Tambahan pula dengan adanya version bahasa Inggeris yang dicetak di bawah Bahasa Malaysia itu maka ini telah memudahkan lagi pemahaman calon-calon untuk mengisi borang-borang tersebut.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan tadi parti-parti siasah telah diberitahu bagaimana hendak mengisi borang-borang kertas penamaan calon di dalam satu mesyuarat khas yang telah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu adalah tidak benar juga dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa oleh kerana menggunakan dua bahasa itu dalam borang tersebut ada kertas-kertas penamaan calon yang telah ditolak kerana ada yang telah mengisi hanya di dalam bahasa Malaysia sahaja.

Seperti yang dapat disaksi sendiri oleh Ahli Yang Berhormat, ruang yang hendak diisikan itu hanyalah satu bagi tiap-tiap satu maklumat yang dikehendaki dan bukannya dua ruang iaitu satu bahasa Malaysia dan satu bahasa Inggeris. Oleh itu ternyata bahawa segala langkah untuk menyenangkan calon-calon untuk mengisi borang telah dibuat oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan sekiranya calon-calon lebih berhati-hati di

dalam mengisikannya, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya penolakan calon-calon tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat kononnya ada kertas-kertas penamaan calon yang telah ditolak semata-mata kerana calon-calon telah mencatatkan "tiada" di bawah butiran nama-nama lain jika ada alias, ini juga tidak benar kerana maklumat inilah yang dikehendaki daripada calon-calon jika mereka tidak mempunyai nama-nama lain.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan bahawa keputusan-keputusan yang telah diambil oleh pegawai-pegawai pengurus berhubung dengan penamaan calon adalah tidak sama, tidak uniform dan dengan itu beliau mencadangkan supaya pegawai-pegawai pengurus diberi kursus bagi tujuan ini. Perlulah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telah memberi taklimat yang terperinci kepada tiap-tiap pegawai pengurus mengenai perkara ini sebelum pilihanraya umum.

Selain daripada itu, penyelia-penyelia pilihanraya negeri telah juga memberi taklimat yang seumpama itu bagi memastikan semua pegawai-pegawai pengurus faham tentang proses penamaan calon. Dalam hal ini, Suruhanjaya Pilihanraya berpuas hati bahawa kebanyakan daripada keputusan yang telah diambil oleh pegawai-pegawai pengurus yang berkenaan adalah selaras dan bersesuaian dengan dasar Suruhanjaya Pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kertas penamaan calon dipermudahkan lagi dan disediakan di dalam satu bahasa dan berasingan untuk Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Pilihanraya akan mengambil perhatian mengenainya apabila ianya mengkaji semula peraturan-peraturan pilihanraya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi jawapan bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Kementerian ini semasa perbincangan di atas Titah Ucapan Diraja itu.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah menyentuh mengenai setinggi-setinggi di Wilayah Persekutuan dan

menggesa Kerajaan membina lebih banyak lagi rumah-rumah pangsa bagi menyelesaikan masalah setinggan. Tuan Yang di-Pertua Kerajaan memang sedang mengambil tindakan untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah pangsa bagi mengurangkan masalah kekurangan rumah murah di Wilayah Persekutuan ini khususnya dalam usaha menyelesaikan masalah setinggan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya sedang dan akan membina lebih kurang 14,074 yunit rumah pangsa. Di samping itu Dewan Bandaraya juga membina tiga jenis rumah murah lain iaitu rumah berkelompok (cluster houses), 2,208 yunit rumah-rumah panjang sebagai rumah sementara (transit quarters) bagi pemindahan setinggan yang terlibat dengan projek pembangunan adalah 1,405 yunit dan persiapan tapak perumahan (site and services) adalah 1,691 tapak semua sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pada dasarnya memperuntukan sebanyak \$30 juta bagi Dewan Bandaraya membina 30,000 yunit lagi rumah murah di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Pembinaan lebih banyak rumah-rumah murah sahaja hanya salah satu daripada langkah-langkah untuk menyelesaikan masalah setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga sedang melaksanakan langkah-langkah lain seperti pengawalan setinggan, mencantikkan tanah-tanah lapang yang secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada diduduki oleh setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab kepada soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik ini.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat mereka mengenai tugas-tugas dan kegiatan-kegiatan berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa membalas Ucapan Terima Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya sukalah memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan yang saksama kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang saya

percaya akan memberi munafaat kepada negara dan rakyat. Bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Senator Ismail bin Hashim di mana beliau telah mengesyorkan supaya pihak Kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan asas bagi menarik pelaburan dari luar negeri, sukalah saya menyatakan iaitu langkah-langkah telahpun diambil untuk membaiki iklim pelaburan di negara ini dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan-kemudahan telekom, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan pelaburan dan lain-lain lagi.

Selain daripada mengadakan kemudahan-kemudahan asas, Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk menarik pelabur-pelabur untuk melabur di negara ini. Langkah-langkah penting yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian melalui Lembaga Kema-juan Perusahaan Persekutuan (FIDA) telah dan akan menganjurkan seminar-seminar pelaburan untuk para pelabur tempatan dan luar negeri di mana pihak Kerajaan mengambil kesempatan di seminar-seminar tersebut untuk menerangkan dasar-dasar dan peraturan-peraturan Kerajaan mengenai pembangunan perindustrian, kemudahan-kemudahan serta galakan-galakan yang ditawarkan oleh Kerajaan untuk projek-projek perindustrian dan juga peluang-peluang pelaburan yang terdapat di negara ini.
- (ii) L.K.P.P telahpun menubuhkan pejabat-pejabat di dalam negeri dan juga di luar negeri. Tujuan mengadakan pejabat-pejabat L.K.P.P. ini adalah untuk menghubungi para pelabur tempatan dan pelabur-pelabur asing dengan secara langsung untuk menarik minat mereka untuk melabur di negara ini.
- (iii) L.K.P.P. dari masa ke semasa mengatur dailog-dailog dengan sektor swasta bukan sahaja melalui perbincangan perseorangan tetapi juga melalui mesyuarat-mesyuarat dengan berbagai-bagai Dewan-dewan Perniagaan dan Perindustrian, Persekutuan Perniagaan dan Perindustrian, Persekutuan Pengilangan dan lain-lain di peringkat negeri dan juga peringkat Persekutuan.

- (iv) Kementerian melalui LKPP telah dan sedang menjalankan kajian-kajian projek dan kajian-kajian feasibilities dengan tujuan untuk membantu para pelabur Malaysia mengkaji projek-projek yang viable.
- (v) Kementerian saya sedang mengkaji semua galakan-galakan pelaburan yang ada sekarang dengan tujuan untuk menawar galakan-galakan yang lebih baik kepada para pelabur.

Selain daripada langkah-langkah yang tersebut di atas, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan telahpun menubuhkan satu Yunit Pusat di Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan yang bertujuan untuk mengurangkan seberapa yang boleh keperluan bagi seseorang pelabur itu daripada terpaksa mengunjungi beberapa agensi Kerajaan. Yunit ini diketuai oleh Ketua Pengarah LKPP dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian-kementerian Kewangan, Buruh dan Tenaga Rakyat dan Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan-jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dan Immigrasi, iaitu mereka yang terlibat di dalam pembangunan perindustrian. Penubuhan Yunit Pusat ini merupakan peringkat pertama dalam usaha Kerajaan untuk menjadikan Lembaga itu sebagai satu "one-stop agency" bagi perkembangan perindustrian di negara ini. Cadangan untuk mengadakan "package deal system" untuk memberikan ke semua kelulusan yang diperlukan bagi menubuhkan projek-projek perindustrian secara semua sekali yang merupakan peringkat selanjutnya dalam usaha memudahkan urusan para pelabur dengan Jabatan-jabatan dan Ajensi-ajensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah pencemaran alam sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, inginlah saya memaklumkan bahawa mengamalg menjadi dasar Kerajaan untuk mengambil beberapa tindakan supaya perkara tersebut tidak berlaku. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Apabila Kementerian menerima permohonan-permohonan baharu untuk projek baharu ataupun untuk membesarkan projek yang sedia ada, pemohon-pemohon dikehendaki memberi keterangan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mencegah pencemaran alam.

- (ii) Syarat-syarat tertentu dikenakan kepada pemohon-pemohon apabila dikeluarkan Lesen Pekilang seperti berikut "Syarikat ini hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai termasuk memasang alat-alat pencegah pencemaran udara, air dan kebisingan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974."
- (iii) Kementerian saya dalam menggalakkan penubuhan projek-projek perindustrian mengambil langkah untuk menyerahkan projek-projek tersebut keluar bandar supaya dengan jalan ini akan mengurangkan pencemaran alam di tempat-tempat kediaman.

Terima kasih.

5.33 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob dan Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim yang telah membangkitkan beberapa persoalan yang menyentuh Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah membangkitkan, antara lain, seruan supaya Kerajaan memberi peluang kepada lebih kurang 5,000 orang bekas tentera mengisi kekosongan di dalam jawatan Kerajaan seperti kerani, jurutaip dan sebagainya. Ahli Yang Berhormat itu juga telah mencadangkan supaya Kerajaan menambahkan keanggotaan Angkatan Tentera sebanyak 10,000 orang supaya soal operasi dapat diselaraskan dengan memuaskan.

Berhubung dengan soal memberi peluang kepada bekas-bekas perajurit mengisi kekosongan di dalam jawatan-jawatan Kerajaan, pihak Kerajaan memanglah tidak mengabaikan perkara ini. Menurut rekod di Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit, Kementerian Pertahanan, mereka yang mendaftar diri untuk mencari pekerjaan dalam Kerajaan adalah meliputi berbagai jenis pekerjaan, termasuk jawatan perkeranian. Kerajaan telahpun mengeluarkan surat-surat Pekeliling Perkhidmatan yang di dalamnya ada menyatakan arahan-arahan dan peruntukan-peruntukan tertentu yang mesti dipatuhi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan di dalam pengambilan bekas-bekas perajurit untuk mengisi jawatan-jawatan yang kosong itu. Bagi jawatan kerani

misalnya, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 19 Tahun 1972 telahpun dikeluarkan di mana menurut pekeliling tersebut kelonggaran syarat pelajaran sebagai syarat kemasukan ke dalam jawatan tersebut telahpun diberikan kepada bekas-bekas perajurit yang mempunyai kemahiran perkeranian.

Harus disedari bahawa kita tidaklah dapat menampung bekas-bekas perajurit ini untuk mengisi jawatan-jawatan yang tersebut di atas sahaja kerana tidak semua bekas-bekas perajurit itu mempunyai kemahiran tersebut. Jawatan-jawatan lain di dalam Jabatan Kerajaan dan Separa Kerajaan serta Badan-badan Berkanun telah juga dikhaskan untuk diisi sebahagian atau semuanya oleh bekas-bekas perajurit. Untuk membolehkan mereka memenuhi jawatan ini, had umur telah dilonggarkan kepada 40 tahun. Jawatan-jawatan ini termasuklah Ahli Bomba, Atendan Hospital, Drebar, Pengawal Keselamatan, Jurugegas, Penjaga Hutan dan Warder Penjara. Masalah yang dihadapi dalam hal ini mungkin timbul daripada perlaksanaannya. Latihan-latihan kemahiran dan vokesyenal telah juga disediakan untuk melengkapkan diri mereka bagi menceburkan diri, bukan sahaja dalam lapangan pekerjaan dengan Kerajaan tetapi juga dengan badan-badan perdagangan dan perusahaan swasta. Setakat ini response dari pihak-pihak yang terlibat adalah menggalakan. Selain daripada itu, Skim Perkhidmatan Tentera juga telah disesuaikan dengan keadaan-keadaan yang teristimewa terdapat dalam perkhidmatan ini seperti pencen dan gratuity yang berlainan sekali dengan skim perkhidmatan yang didapati dalam lain-lain perkhidmatan dalam Kerajaan.

Berhubung dengan soal pembesaran Angkatan Tentera yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kekuatan tentera kita seperti yang dirancang adalah mencukupi untuk keperluan sekarang. Kementerian Pertahanan setiap masa sentiasa mengkaji keperluan keseluruhan menurut ancaman keselamatan yang wujud. Operasi setakat ini telah dijalankan dengan penuh memuaskan dan dengan koordinasi yang sungguh baik. Penekanan dalam ketenteraan sekarang bukannya sahaja soal daripada segi bilangan, kita juga mengutamakan soal kecekapan dan mutu perkhidmatan yang dapat diberi oleh Anggota-anggota Tentera selain daripada mengutamakan soal mobility dan sebagainya di kalangan pasukan-pasukan kita.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah membangkitkan kedudukan keselamatan penyeludupan, rampasan dan kecurian di sempadan negara Thai/Malaysia dan telah mengesyorkan Pasukan Keselamatan ditempatkan di sempadan. Suka saya tegaskan di sini masalah penyeludupan di sempadan, terutamanya di Perlis telah lama diambil perhatian oleh Kerajaan. Beberapa langkah yang tertentu sedang dan telahpun diambil oleh beberapa agensi Kerajaan yang lain. Bagi Kementerian Pertahanan pula satu Infantri Batalion Askar Wataniah telahpun ditempatkan di Perlis dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini bagi membantu agensi-agensi Kerajaan mencegah penyeludupan. Begitu juga kerjasama yang rapat yang diberikan oleh pihak Polis dan Pihak-berkuasa negeri Thai telah membantu di dalam mengurangkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan ini. Orang ramai juga mempunyai peranan penting di dalam membantu Pasukan Keselamatan yang ada untuk menjamin keamanan di daerah sempadan ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengatakan bahawa nelayan-nelayan kita telah diserang oleh pengganas-pengganas dan telah menyeru Kerajaan mengambil tindakan-tindakan untuk menjamin keselamatan nelayan-nelayan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha mencegah lanun-lanun atau pengganas-pengganas ini adalah sentiasa dijalankan oleh Tentera Laut di Raja Malaysia di sepanjang perairan negara kita dengan bantuan pihak Polis Laut. Adalah mustahil kita dapat menjaga setiap inci perairan kita dari sebarang pencerobohan atau gangguan kepada nelayan-nelayan kita. Walau bagaimanapun, pihak TLDM akan menambah patrol boat yang ada supaya masalah tersebut itu dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan.

Akhirnya, saya ingin menyatakan ucapan terima kasih saya kepada kedua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian berat atas segala aktiviti Kementerian Pertahanan. Cadangan-cadangan dan teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu amatlah dihargai dan insya Allah, di mana sesuai cadangan itu akan dipertimbangkan untuk perlaksanaan.

5.39 ptg.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk memberi jawapan bagi pihak Kementerian

Sains, Teknologi dan Alam Sekitar atas soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya berucap bagi pihak Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terhadap teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator itu di atas minat beliau terhadap alam sekitar yang difikirkan sangat mustahak (very important). Berkenaan soalan Taman Negara Endau/Rompin saya telah difahamkan bahawa kegiatan membalak di kawasan tumpuan (core area) untuk pemeliharaan telah dikawal melalui kuasa pelesenan.

Tuan Yang di-Pertua, pembalakan di bahagian negeri Pahang telah dihentikan seperti mana yang dinyatakan oleh Kerajaan Negeri Pahang, lesen pembalakan yang terakhir tamat tempohnya pada 31hb Ogos, 1978 ini. Pegawai-pegawai dari Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara telah diletak di bawah jagaan Kementerian ini, telah membuat lawatan ke kawasan berkenaan dan didapati pembalakan memang benar telah dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dari Kementerian ini terdiri daripada Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan pegawai kanan Kementerian telah memberi taklimat kepada kedua-dua buah negeri. Taklimat tersebut adalah bertujuan untuk memberi penjelasan-penjelasan kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan persetujuan bagi mewujudkan kawasan Endau/Rompin sebagai sebuah Taman Negara dalam negara kita ini.

Perhubungan dan perbincangan di antara pihak Kementerian dengan Kerajaan-kerajaan Negeri masih diteruskan dan diharapkan supaya pihak Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan yang diharap-harapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai seruan Yang Berhormat Senator supaya Kerajaan mengambil perhatian yang serius terhadap pencemaran alam sekitar, masalah pencemaran alam sekitar memang telah diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan sebagaimana yang telah terbukti dengan wujudnya

Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 dan dasar-dasar umum, pengurusan alam sekeliling yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah ditubuhkan untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan tersebut dan mengadakan program pengurusan alam sekitar yang lengkap. Beberapa peraturan seperti Peraturan Kawalan Effluence Kelapa Sawit dan Peraturan Udara Bersih telah diwartakan dan beberapa peraturan lain telah disiapkan untuk dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi. Selain dari itu, langkah-langkah juga sedang dijalankan di dalam bidang perancangan untuk menghindarkan masalah-masalah alam sekitar yang mungkin timbul dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan ini, umpamanya beberapa guideline untuk menempatkan industri-industri dan juga pencegahan hakisan (soil erosion) sedang dibesarkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan untuk mengkaji dengan mendalam dan mengurangkan kesan-kesan buruk, beberapa program monitoring dan assessment telah dan sedang dijalankan di dalam bidang air dan udara yang antara lainnya bertujuan untuk menentukan kesan-kesan kecemaran ke atas alam sekitar. Contohnya ialah kajian kecemaran udara yang telah dijalankan di beberapa kawasan di Pulau Pinang, Pasir Gudang di Johor Bahru, Batu Caves, Lembah Kelang, manakala kajian kecemaran air pula dijalankan ke atas kawasan Juru, Sungai Scudai, Sungai Linggi dan lain-lain lembah sungai yang mengalami masalah kecemaran.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun perlu saya tegaskan bahawa penyelesaian kepada masalah alam sekitar ini akan memakan masa kerana kita menghadapi masalah-masalah yang telah lama wujud dan ianya tidak dapat diatasi di dalam sekejap masa sahaja. Dengan demikian, saya percaya dengan penguatkuasaan beberapa peraturan kawalan dan kerja-kerja perancangan, masalah ini akan dapat dikurangkan.

Itulah sahaja jawapan saya bagi pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyentuh sedikit ucapan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji

Yaakub mengenai Kabinet yang telah ditubuhkan oleh Perdana Menteri supaya jangan rakyat negara ini terkeliru dengan apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Senator itu.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dituduhkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin yang mengatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menubuh satu Kabinet terdiri daripada orang-orang yang tidak ada mempunyai didikan agama. Jadi, dengan sendirinya Kabinet yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn ini adalah satu Kabinet yang kering, tidak ada mempunyai unsur-unsur Islam di dalam Kabinet itu.

Saya hairan sekali seorang yang sudah menjadi Senator yang begitu lama tidak sedar bahawa di dalam Jabatan Perdana Menteri itu sendiri ada satu bahagian yang dinamakan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam. Dalam Bahagian Ugama ini banyak usaha-usaha yang sedang dijalankan dan penuh dalam buku ini iaitu "Islamic Affairs Division" di bawah Prime Minister's Department yang mana saya diberi tugas untuk mengawasi Department ini yang mana dalam Department ini ada tiga perkara yang penting, iaitu diwujudkan suatu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam seluruh Malaysia. Objektifnya ialah membincangkan perkara-perkara ugama Islam yang dirujuk kepada oleh Majlis Raja-raja, Majlis Ugama Islam Negeri, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau oleh ahli-ahli Majlis mengenai apa-apa sahaja masalah yang bersangkutan dengan ugama Islam.

Misalnya, baru-baru ini kita telahpun mengkaji berkenaan dengan Freemason dan satu lagi mengenai dengan gerakan Kadiani dan yang kedua, Kadiani ini diharamkan dan Freemason telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa orang Islam patut menjauhkan diri daripada gerakan Freemason itu.

Yang kedua, memberi nasihat kepada Majlis Raja-raja Melayu dalam perkara-perkara ugama yang bersangkutan dengan ugama Islam.

Yang ketiga, Majlis ini juga bersetuju mengadakan satu Jawatankuasa Fatwa. Kalau ada masalah-masalah ugama yang samar yang tidak boleh ditentukan hukuman, maka kita edar perkara ini kepada Majlis

Fatwa di mana di sini anggotanya terdiri daripada mufti-mufti seluruh negara kita ini. Tegasnya ialah membuat apa-apa keputusan bagi diikuti oleh seluruh negara dalam perkara-perkara urusan ugama.

Yang keempat, Pusat Penyelidikan Islam (Research Centre) bagi mengkaji perkembangan Islam dan perkara-perkara baru seperti sains dan sebagainya yang boleh dimasukkan di dalam kajian di bawah Al-Quran itu sendiri dan di dalam masa Musabaqah Al-Quran ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut soal Darul Quran, Mungkin ini juga akan menjadi masalah akan dibincangkan oleh badan ini.

Yang ketiga, Institut Dakwah dan Latihan. Pusat ini sedang memainkan peranan yang sangat penting yang mana dakwah-dakwah diberikan kepada pegawai-pegawai Kerajaan, orang-orang yang tertentu dan orang ramai di mana dakwah itu diawasi oleh seorang Pengarah yang mempunyai pengalaman yang cukup dalam hal ugama. Jadi, saya kesal sekalilah atas ucapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator Mohamed Amin itu adalah amat mengelirukan, dan saya harap apa yang saya sebutkan itu boleh menolak apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Senator Mohamed Amin itu.

Satu perkara lagi suka saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin sedikit masa lagi untuk menerangkan lebih jelas sedikit berkenaan ugama ini kerana perkara ugama ini adalah amat penting dan mustahak bagi umat Islam.

Ada dua perkara yang saya terbaca dalam surat khabar, ini pun ada kaitan dengan Kabinet yang dikatakan tidak mempunyai unsur-unsur Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka baca sedikit sebahagian daripada akhbar itu dan saya hendak ulas sedikit, dan ini telah berlaku dalam Dewan Rakyat yang mana satu soalan telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat kepada Perdana Menteri, Tuan Haji Nik Abdul Aziz bangun mengemukakan soalan tambahan—ini berkenaan dengan Freemason mengemukakan soalan tambahan bertanya apakah cara taubat yang perlu diberitahu kepada orang ramai? Apakah cara taubat? Soalan ini ada dua motif. Motif yang pertama dia hendak tahu ataupun dengan sengaja hendak menjatuhkan imej Perdana Menteri kalau tidak tepat

dengan jawapan mengikut kehendak pertanyaan itu. Kalau hendak dikatakan dia mahu belajar agama dalam Dewan Rakyat tak menasabah, kerana dia seorang alim; kalau hendak dikatakan dia hendak menjatuhkan imej Perdana Menteri pun tak menasabah, kerana Hadith Nabi mengatakan: Tidak beriman seseorang daripada kami selagi kamu tidak kasih pada saudara kamu itu sebagaimana kamu kasih kepada diri-kamu. "Layu'minu ahadukum hatta yuhibbu liakhihi, mayuhibbu binafsihi. Ertinya, kalau hendak diambil pengertian daripada Hadith Nabi itu, Haji Nik Abdul Aziz, kalau dia seorang Islam yang beriman, dia tidak harus memalukan saudara Islamnya di dalam Dewan Rakyat. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin PAS itu sudah kehilangan modal sebenarnya. Dia cuba mencari modal di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk menaburkan modal itu kepada rakyat di kampung-kampung. Itu yang sebenarnya. Jadi dalam masalah ini saya pun bingung, kalau orang alim bercakap macam itu; kalau orang tak tahu agama tidak menjadi persoalan kepada saya. Ini orang alim, B.A. dari Duban University, kemudian B.A. Azhar dan kemudian M.A. Azhar, bercakap perkara seumpama itu. Ini semata-mata sentimen politik.

Satu perkara lagi, ada di akhir akhbar itu, tambahan soalan daripada Haji Nik yang berkaitan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita—mengemukakan soalan berkenaan tauhid, dengan tujuan untuk mendapatkan buah fikiran—ini kata penulis akhbar itu. Dia bertanya bagaimana tauhid yang betul kepada Perdana Menteri—tetapi nasib baik Tuan Speaker menahan—tidak dijawab soalan itu. Kalau sekiranya pemimpin PAS itu mahu tahu tauhid, saya boleh terangkan. Kalau Majlis ini suka mahu dengar sedikit, saya mohon kebenaran, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, apa yang ditanya olehnya itu semata-mata bermain politik, bukan dia tidak tahu. Orang Islam tahu tauhid, sesudah kita mengucapkan Dua Kalimah Syahadah—Asyhadu-an-la-ilaha illallah wa-asyhadu anna Muhammadar Rasulallah. Setiap orang tahu tauhid dan saya hendak terangkanlah dan mungkin ucapan saya ini direkodkan dan boleh dibaca oleh pemimpin-pemimpin PAS. Dalam al-Quran, ada kira-kira 6,666 ayat (verses of the al-Quran), di antara 6,666 ayat ini ada dua Surah yang very-very important, very-

very fundamental, very vital. Surahnya ringkas tetapi maksudnya luas. Satu daripadanya ialah Suratul-Ikhlash iaitu Surah mengenai Tauhid. Tuhan mengatakan: Qul-huallahu Ahad, Allahus-Samad, Lam-yalid walam yulad, walam yakul-lahu kufuan Ahad. Ini sudah cukup meliputi semua sekali tauhid, Tuan Yang di-Pertua. Dalam surat ini sudah nyata dan jelas kepada kita bahawa Tuhan itu satu. Semua makhluk ini bergantung kepada Allah dan ketiganya Tuhan tidak beranak dan orang tidak peranakan dia. Ini menolak konsep Kristianiti: Walam-yakul lahu kufuan Ahad. Tuhan itu tidak menyamai sesuatupun, tidak dapat diterima oleh senses of human being. Jadi nyata dan jelas semua orang tahu, sengaja dikemukakan soalan ini untuk menjatuhkan imej Perdana Menteri kita.

Satu lagi Surah, iaitu Surah Al-Asri, menerangkan unsur-unsur bagi nation-building. Ada empat unsur di sana. Pertama unsur iman, kedua unsur melaksanakan kerja-kerja, ketiga jujur dan keempat sabar. Ayat yang lain yang beribu-ribu itu merupakan complementary kepada dua buah Surah itu.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin PAS ini sebenarnya mereka memandang kita ini tidak beragama, tidak tahu agama dan pernah dituduh orang-orang UMNO kafir dan sembelihan lembu, kerbau, ayam itek orang UMNO tidak boleh dimakan. Ini berlaku di kampung-kampung. Kemudian pulau-memulau, ini berlaku di Kedah sekarang, di pulau orang-orang UMNO dan tidak disembahyangkan mayatnya. Walhalnya pada hukum agama Islam sembahyang mayat itu fardu kifayah atas orang yang ada di kampung itu, bukan wajib atas orang yang mati. Nyata dan jelas bahawa dari segi hikmat orang-orang ini menolak hukum Allah subhanahu wa'taala, menolak hukum fardu kifayah Allah subhanahu wa'taala.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu saya bercakap panjang kerana semua cerita ini orang tahu. Kalau pemimpin-pemimpin PAS mendakwa mereka sahajalah orang-orang yang menjalankan suruhan Islam, orang-orang yang menjalankan unsur-unsur Islam, orang-orang yang menjalankan semangat Islam, saya mahu tanya satu, selama 13 tahun PAS memerintah di negeri Kelantan apa dia sudah buat? Tuan Yang di-Pertua, orang yang mengaku dia menjalankan dasar Islam, tahukah tidak negeri Kelantan sudah bengkrap—sudah bengkrap—punca-punca hasil sudah tidak

ada lagi, bermelion ekar tanah sudah diberi dengan begitu murah. Saya ada document dan agreementnya di sini. Dalam concession diberi royaltinya \$2.00 satu tan, walhalnya harga kayu balak \$250 satu tan, sehingga jatuh bengkrap Kerajaan Negeri Kelantan, tidak ada wang, dan satu masa tidak dapat membayar gaji. Nasib baik bekas Perdana Menteri dahulu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Al-haj beri juga untuk membayar gaji pegawai, kalau tidak hancur, waktu itu sudah jatuh kerajaan PAS. Inilah Islam yang didakwa oleh PAS? Menghancurkan negara sendiri berlawanan dengan hadis Nabi s.a.w.: *Hubbul watan minal Iman—kasih, cinta dan patriotik kepada watan itu adalah sebahagian daripada iman. Bagaimana orang PAS Tuan Yang di-Pertua! Saya minta 5 minit lagi bercakap. Apa telah terjadi, apabila saya dilantik sebagai Menteri Besar dalam Barisan Nasional, saya cuba membetulkan sedikit sebanyak soal ini, dikatakan saya pengkhianat, dituduh saya pengkhianat dan saya pro-UMNO. Saya bertanya kepada dia balik (Datuk Haji Mohd. Asri), Tuan Yang di-Pertua, waktu dia memecat saya dalam Mesyuarat Agongnya, di mana duduk ayat: *Innamal mukminuna ikhwatun faaslihu baina akhawaikum*. Kalau tuan-tuan mengatakan orang-orang UMNO itu tidak boleh saya buat baik, di mana duduknya semangat ayat ini kepada orang-orang yang menjalankan dasar Islam, iaitu orang mukmin itu bersaudara dan hendaklah kamu islah atau membaiki di antara kamu. Di mana duduknya? Hendak kata banyak, perkara-perkara yang menyeleweng yang telah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS ini.*

Sudahlah begitu mereka telah buang saya daripada PAS. Ini sejarah buku-buku cerita buang saya daripada PAS sudah banyak ada. Tuan Yang di-Pertua. Mengikut hukum Islam haram menolak seorang daripada masyarakat Islam, kalau saya kafir tidak apa, tetapi saya Islam, tetapi pemimpin PAS buat kerja ini. Sudahlah begitu, dibawa usul tidak percaya pada 15hb Oktober, buang saya daripada Menteri Besar, kerana saya ini tidak berguna lagi. Apa yang dimarahkan sangat kepada saya, sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi, kerana saya telah membatalkan satu perjanjian 350,000 ekar tanah. Ini merupakan satu dosa besar kepada mereka. Walhalnya kalau tidak saya membatalkan per-

janjian ini, bagaimana Kerajaan sekarang hendak menjalankan projek pembangunan pembukaan tanah Selatan Negeri Kelantan. Di tempat inilah projek yang akan dijalankan besaran-besaran di negeri Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan tadi pemimpin-pemimpin PAS ini sudah tidak ada modal lagi. Dia cuba mencari modal di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini untuk menjual kepada rakyat itu sahaja, very cheap—modal yang paling murah, tetapi Tuhan melarang: *Walatasy-taru bi-Ayati samanan qalila—jangan kamu jual ugama itu dengan harga yang murah. Orang-orang pemimpin PAS menjual ugamanya.*

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini supaya kita ramai-ramai sedar bahawa pertubuhan PAS itu sendiri bukan ugama, ugama di sini Allah ialah Islam. Bagaimana cahayanya proses ugama: *wallazi fazzakir ummiyyina Rasulam minhum yatlu 'alaihim Ayatihi wayuzahikim wayaummul kitab walhikmah—Tuhan utuskan Nabi yang tidak pandai membaca dan menulis di kalangan orang pada masa itu untuk membacakan ayat-ayatnya: wayuzakkhim—membersih jiwa mereka, wayaumul kitab—mengajar Al-Quran dan mengajar hikmah. Ertinya, apa yang kita katakan ugama itu mesti terlibat dengan empat sumber, pertama Tuhan, kedua Malaikat, yang ketiga Kitab dan yang keempat manusia yang bernama Nabi. Ini sahajalah: kalau tidak terlibat salah satu atau tidak terlibat dengan empat-empat sumber ini kita tidak boleh namakan badan itu ugama. Inilah kesilapan yang besar yang telah dilakukan oleh pemimpin PAS.*

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh umat Islam di Cairo memperjuangkan cita-cita Islam tidak dinamakan ugama, tetapi dinamakan "Ikhwanul-Muslimin". Umat Islam di Pakistan memperjuangkan Islam tidak juga dinamakan ugama, dinamakan Jamiatul Islamiah. Umat Islam di Indonesia memperjuangkan ugama tidak juga dinamakan ugama tetapi dinamakan Masyumi (Masyarakat Syura Muslim Indonesia). Jadi, mana keterangan pemimpin-pemimpin PAS boleh memberi hujah kepada kita bahawa badan PAS itu sendiri ugama, tidak ada satu keterangan. Sebab itulah saya bangkitkan perkara ini supaya jangan lagilah timbul masalah-masalah ini, cuba menimbulkan

masalah-masalah yang boleh mengelirukan orang ramai dan sekarang saya rasa rakyat sudah sedar tindak-tanduk pemimpin-pemimpin PAS ini.

Pada akhirnya, kita harus yakin bahawa sesuatunya berlaku itu dengan kehendak Allah subhanahu wa taala. Mengapa Tuhan menarik kuasa yang ada di tangan Kerajaan PAS, Tuhan telah berjanji: Tuktil mulka mimman tasya wa tu'izzumantasya—Aku beri Kerajaan kepada siapa yang Aku suka dan kalau mereka itu sudah menyeleweng daripada dasar Islam, Aku tarik dia. Ini siapa kata? Bukan Haji Mohamed Nasir kata, ini Tuhan kata.

Jadi, itulah sahaja sebagai ingatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat perkara-perkara yang penting sahaja saya katakan. Kalau saya hendak terangkan semuanya ini saya boleh ambil masa dua jam, tetapi itulah perkara fundamental yang boleh diberi satu pengertian kepada Yang Berhormat. Saya sangkal atas ucapan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik Kabinetnya tidak ada unsur-unsur Islam (*Tepuk*).

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dalam menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian saya dalam masa membahaskan Titah Ucapan Di Raja bagi Parlimen Kelima ini.

Kerajaan memang mempunyai cadangan untuk mengadakan perumahan terutama bagi belia-belia yang berhijrah daripada luar bandar ke bandar dan yang bekerja di kilang-kilang di bandar-bandar besar. Malah Kementerian saya pernah memberi kelulusan pinjaman kepada pihak Dewan Bandaraya untuk mendirikan asrama belia di Cheras dan sekarang ini asrama tersebut telahpun siap dan dapat menempatkan kira-kira 500 orang belia. Kajian masih lagi dijalankan mengenai kesesuaian asrama-asrama sedemikian dibina di pusat-pusat perindustrian di bandar-bandar lain di Malaysia. Sekiranya rancangan ini didapati sesuai maka Kementerian saya

akan terus menimbangkan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendirikan asrama-asrama sedemikian bagi faedah pekerja-pekerja kilang.

Kerajaan memang sedar bahawa ramai rakyat terutama mereka-mereka dari golongan berpendapatan rendah tidak mempunyai tapak rumah untuk mendirikan rumah mereka sendiri. Di atas kesedaran inilah maka di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan telah memperuntukkan kira-kira \$469 juta bagi Kerajaan-kerajaan Negeri membina sejumlah kira-kira 60,800 unit rumah awam kos rendah yang ditujukan khas kepada golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usaha mengadakan rumah yang mencukupi bagi rakyat ini adalah memakan masa dan ianya bukan satu perkara yang mudah. Proses pembinaan rumah melibatkan beberapa faktor dan Jabatan-jabatan Kerajaan. Tanah adalah satu bahan yang penting untuk membina rumah dan dalam keadaan sekarang di mana tanah yang sesuai untuk membina rumah semakin sukar didapati, terutama di bandar-bandar, maka sudah tentulah kerjasama dari semua pihak yang berkuasa adalah diperlukan bagi menjamin supaya matlamat Kerajaan untuk menolong golongan berpendapatan rendah ini akan dapat dicapai. Tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri mengikut Perlembagaan Malaysia. Oleh yang demikian masalah tempat di mana sesuatu rancangan perumahan itu perlu diadakan terletak di bawah budi-bicara Kerajaan Negeri masing-masing. Kadangkala sesuatu rancangan perumahan itu tidak dapat dijalankan oleh kerana ketiadaan tanah Kerajaan dan juga infrastruktur. Masalah seperti ini seringkali terdapat di negeri-negeri kurang maju di Malaysia ini terutama dari segi infrastruktur. Sebelum sesuatu rancangan perumahan itu dapat dijalankan maka infrastruktur seperti bekalan air, jalanraya, bekalan letrik dan sebagainya perlu diadakan terlebih dahulu. Sungguhpun menghadapi beberapa "constraints" dalam melaksanakan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah ini, Kementerian saya dan Kerajaan-kerajaan Negeri tidak sedikitpun berputus asa dan akan terus berusaha sedaya-upaya untuk menentukan pencapaian matlamat membina kira-kira 60,800 unit rumah di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Dalam hubungan ini, pendekatan-pendekatan lain juga sentiasa diteroka oleh pihak Kementerian saya dan pada tahun ini dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi pembinaan rumah-rumah kos rendah, satu kajian kemungkinan peringkat nasional mengenai "Integrated Sites & Services and Related Low Cost Housing Programme" dengan bantuan Bank Dunia telah dimulakan dan satu pendekatan yang menyeluruh dan berkesan bagi seluruh negara akan dapat dimajukan apabila kajian ini selesai kelak. Kajian ini adalah juga bertujuan untuk mengkaji kemungkinan-kemungkinan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah dalam bentuk yang lain yang sesuai untuk golongan berpendapatan rendah. Sekiranya semua langkah-langkah dan usaha yang telah diatur oleh Kerajaan dapat berjalan dengan baik maka masalah kekurangan rumah pasti dapat diatasi. Saya sukacita menyatakan di sini bahawa sehingga ini agensi-agensi Kerajaan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri telah memberi bantuan dan sokongan kepada kajian itu.

Perkara-perkara berkaitan dengan bayaran cagaran atau bayaran muka bagi membeli rumah-rumah juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ismail Hashim dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam hubungan ini saya ingin memberitahu bahawa untuk rumah-rumah awam kos rendah peserta-peserta yang berjaya dipilih untuk menduduki rumah-rumah tersebut tidak dikehendaki membayar wang cagaran. Mereka adalah dikehendaki membayar wang ansuran bulanan sahaja. Bagi memastikan bahawa bayaran ansuran bulanan ini tidak membebankan mereka ini maka mulai dari 1hb Ogos 1978 Kerajaan Persekutuan telah melanjutkan lagi tempoh bayaran balik ansuran bulanan bagi rumah-rumah tersebut daripada 20 tahun kepada 25 tahun.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada mengendalikan satu Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada golongan berpendapatan rendah yang dikendalikan dengan nama Sekim Pinjaman Perumahan yang telah diberi adalah sebanyak \$10 juta. Di bawah sekim ini direncana empat buah sekim bagi memenuhi keperluan semua rakyat dan sekim-sekim tersebut adalah:

(a) Sekim Pinjaman Menampung Kehendak Pekerja-pekerja Industri;

(b) Sekim Pinjaman Menampung Kehendak Penduduk-penduduk Kampung-kampung Baru;

(c) Sekim Pinjaman Menampung Kehendak Pekerja-pekerja Estet dan Lombong;

(d) Sekim Pinjaman Pemindahan Setingan dan lain-lain dalam Projek Pembangunan.

Adalah tidak benar tuduhan yang menyatakan susah bagi pekerja-pekerja ladang mendapat pinjaman dari Kementerian ini. Sebenarnya masalah yang dihadapi adalah masalah jumlah pinjaman di mana maksimumnya ialah \$5,000 bagi tiap-tiap permohonan sedangkan pengurus-pengurus ladang telah meminta Kementerian mengeluarkan pinjaman sebanyak \$7,500 bagi satu permohonan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang berusaha bersungguh-sungguh bagi menimbang permohonan ini setelah mendapat kelulusan dari agensi-agensi lain yang terlibat iaitu Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ulasan-ulasan ini dapat memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyetujui beberapa perkara dan memberi berbagai cadangan yang berkaitan dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya ingin memberi jawapan di atas dua sahaja daripada komen yang dibuat itu.

Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk V. Ponnusamy Pillai telah membangkitkan hal keadaan yang kurang memuaskan di ladang-ladang yang mana telah tidak menikmati banyak perubahan-perubahan sejak kata beliau, Malaysia mencapai kemerdekaan, ladang-ladang itu tidak mengadakan kemudahan-kemudahan seperti jalan, letrik, air dan perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Beliau juga telah berasa kesal bahawa rancangan untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong memiliki rumah mereka sendiri belum berjalan dengan lancarnya.

Kementerian saya sedar tentang kekurangan-kekurangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi, selain daripada ladang-ladang yang kecil dan terpencil sangat, kemajuan yang dicapai dalam perkara-perkara perumahan, pembekalan air dan lampu elektrik dan kemudahan-kemudahan yang lain adalah bertambah baik. Kementerian saya akan terus mendesak majikan-majikan ladang memberi perhatian yang lebih berat terhadap masyarakat pekerjaanya.

Dalam perkara membaharui atau membaiki rumah-rumah pekerja ladang, bolehlah juga dikatakan bahawa banyak kemajuan yang telah dicapai dengan usaha Kementerian saya. Sejak Akta baru mengenai perkara ini pada tahun 1966 sebanyak 29,000 buah rumah baru untuk pekerja-pekerja ladang, mengikut standards dalam Akta ini telah dibina. Dalam tahun 1977 sahaja sebanyak 4,631 buah rumah baru telah dibina lengkap dengan semua kemudahan, termasuk dua bilik tidur. Pada masa ini, hanya 4,800 buah rumah sahaja yang tidak diluluskan di bawah Akta ini yang masih ada di ladang-ladang. Mungkin juga di antara 90,000 unit rumah yang lain, ada sebahagian yang berkehendakkan pembetulan atau penggantian mengikut keazaman pekerja-pekerja pada masa ini walaupun mereka telah diberi pengiktirafan di bawah Akta Perumahan. Kementerian saya akan terus bertindak untuk membaiki keadaan ini. Mengenai bekalan air dan lampu elektrik dan lain-lain walaupun pembekalan air paip dari JKR mains dan pembekalan kuasa elektrik bukannya kemudahan-kemudahan yang terkanun (statutory), sebilangan besar tuan-tuan punya ladang, terutama sekali ladang-ladang besar, ada menyediakan kemudahan-kemudahan sedemikian. Di setengah-setengah ladang-ladang adalah tidak mungkin untuk mendapatkan pembekalan air daripada JKR ini, kerana banyak sebab-sebab, misalnya, ladang-ladang terletak jauh daripada mains itu, ketidakupayaan JKR membekal air disebabkan kekurangan tekanan air dan lain-lain sebab teknikal. Dengan itu, ladang-ladang itu terpaksa menunggu untuk kemajuan keseluruhan dalam rancangan Kerajaan sendiri dalam perkara ini apabila mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan ini secara kos rendah. Begitu juga dengan pembekalan kuasa elektrik. Di mana tidaklah mungkin untuk mendapat pembekalan sedemikian air atau elektrik, kebiasaannya ladang menyediakan pembekalan elektrik

daripada punca-punca mereka sendiri. Adalah dasar Kementerian saya untuk menggesa majikan-majikan menyediakan faedah-faedah dan kemudahan-kemudahan bukan terkanun itu di mana-mana yang mungkin. Sambutan daripada majikan-majikan yang besar kepada seruan Kementerian saya itu pada amnya adalah baik. Kita akan meneruskan tindakan untuk melanjutkan lagi kemudahan-kemudahan seperti ini kepada lebih banyak ladang-ladang di tempat-tempat pekerjaan seperti itu.

Mengenai rancangan pekerja-pekerja ini memiliki rumah mereka sendiri, Kementerian saya sedar bahawa setakat ini ada tiga buah ladang sahaja yang telah melaksanakan rancangan ini iaitu ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah; Ladang Tennamaran, Batang Berjuntai, Selangor dan ladang Dovenby di Sungai Siput, Perak yang dipunyai oleh National Union of Plantation Workers.

Dalam perkara ini haruslah kita ingat bahawa sekim ini adalah satu yang baru selepas 100 tahun ladang dibuka dan berkehendakkan kerjasama yang rapat daripada Kementerian-kementerian yang lain dan juga daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang menjaga hal ehwal mengenai tanah. Setakat ini perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan negeri telahpun selesai di Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Kedah dan hampir selesai dengan negeri-negeri yang lain untuk memecah lot tanah ladang bagi mendirikan tanah-tanah bagi dimiliki oleh pekerja-pekerja sendiri. Jadi, perkara tanah dan pemecahan lot itu tidaklah menjadi masalah dalam perkara ini walaupun perkara ini telah mengambil selama 4 tahun untuk diselesaikan di kebanyakan tempat. Tetapi maklumlah dalam perhubungan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri berkaitan dengan perkara-perkara tanah bolehlah dikatakan bahawa kejayaan ini adalah satu yang memberi galakan dan Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah memberikan kerjasama seperti itu. Apa yang memperlambatkan pelaksanaan sekim pada masa ini adalah kerumitan yang telah timbul dalam pengeluaran wang pinjaman daripada Kementerian Perumahan seperti yang disentuh oleh Timbalan Menteri Perumahan tadi tentang jumlah wang pinjaman dan juga tentang perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perjanjian untuk pinjaman itu. Tetapi aspek

ini, seperti yang dikatakan oleh beliau sendiri, hampir diselesaikan dengan kerjasama Yang Berhormat Menteri Perumahan sendiri.

Dengan itu adalah diharapkan bahawa lebih kurang 50 buah rancangan di ladang-ladang dan di lombong-lombong yang sekarang ini dalam peringkat perancangan, dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin dan tidak lengah-lengah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Zawiah binti Abdullah semasa mengucapkan secara am tentang kekurangan peluang yang diberi kepada kaum-kaum wanita dalam berbagai bidang telah juga menyentuh tentang satu kes di Ipoh di mana sebuah syarikat bas telah menamatkan perkhidmatan seorang pekerja wanita yang mengandung. Beliau telah cadangkan agar pekerja-pekerja wanita seperti ini apabila sarat mengandung iaitu dua tiga bulan sebelum kelahiran anak, diberi cuti tanpa gaji.

Saya tidaklah ingin hendak menyentuh kes di Ipoh itu kerana kes itu adalah di hadapan Mahkamah Perusahaan untuk diputuskan. Tetapi saya dapat menyatakan bahawa pada masa ini mengikut Undang-undang pekerjaan yang baru sahaja dipinda dalam tahun 1976, seorang pekerja wanita adalah berhak mendapat selama 60 hari cuti bersalin dengan gaji yang penuh. Cuti yang lebih dalam masa 60 hari ini juga dengan gaji penuh boleh juga diambil atas sijil doktor, jika diperlu.

Saya merasa, kaum pekerja wanita mungkin akan menghadapi kerumitan yang besar untuk mendapat pekerjaan, jika cadangan Ahli Yang Berhormat itu untuk melanjutkan kemudahan-kemudahan cuti kepada pekerja wanita diterima. Kerana majikan-majikan akan enggan mengambil pekerja wanita dengan kenaikan kos dan tambah pula kerumitan dalam jadual pekerjaan pekerja-pekerja wanita itu.

6.32 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan teguran-teguran terhadap Kementerian Kesihatan semasa perbahasan atau Usul Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Mengenai teguran Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun berkenaan

dengan pembinaan Hospital Besar di Kuantan, Pahang, sukacita saya memaklumkan bahawa tanah seluas lebih kurang 130 ekar telahpun diperolehi oleh Kementerian ini untuk pembinaan hospital tersebut. Hospital Besar baru Kuantan ini adalah berbentuk baru dan tidak mengikut sebarang pelan piawaian dan perlulah satu pelan baru yang lengkap direkakan.

Adalah diakui bahawa perancangan bagi pembinaan sebuah Hospital Besar seperti Hospital Besar Kuantan yang dicadangkan itu walaupun di negeri yang telah maju akan memakan masa yang lama memandangkan reka bentuk sebuah Hospital Besar itu adalah rumit sekali.

Peringkat kemajuan projek ini sekarang ialah pihak Kementerian sedang giat menjalankan kerja-kerja perancangan dengan akitek-akitek berkenaan untuk menyediakan pelan-pelan yang diperlukan. Adalah dijangkakan pembinaan hospital ini akan bermula pada awal tahun 1980.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil bin Ahmad tentang sebuah bot khas bagi mengangkut pesakit-pesakit dalam keadaan kecemasan dari Pulau Langkawi ke tanah daratan, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini sedang dalam proses untuk menyediakan sebuah bot ambulan yang laju bagi Hospital Daerah Pulau Langkawi.

Mengenai perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan, Kementerian Kesihatan adalah mengambil makluman dan tindakan yang sewajarnya akan diambil sejajar dengan hasrat Kementerian ini hendak memberi perkhidmatan Perubatan, Kesihatan dan juga meninggikan mutu perkhidmatan perubatan dan kesihatan dan pergigian di negara kita.

6.34 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mereka terhadap Kementerian Penerangan. Sukacita saya memberi sedikit penerangan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang berkenaan.

Mengenai ucapan Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel yang telah mencadangkan supaya siaran Berita dan Peristiwa tidak diadakan serentak di kedua-dua saluran.

Sukacita saya memberi penjelasan iaitu Berita pada 8.30 malam waktu Semenanjung adalah Berita Nasional dan Peristiwa yang disiarkan berikutan beritanya adalah Peristiwa Nasional juga dan yang disiarkan secara network iaitu disiarkan serentak menerusi semua Rangkaian TV Malaysia. (Rangkaian Pertama di Semenanjung Malaysia, Rangkaian Kedua di TV Malaysia dan Rangkaian Ketiga di Sabah dan Sarawak). Amalan ini adalah amalan biasa oleh semua organisasi-organisasi TV yang dilaksanakan mengikut "network system".

Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai telah mengadakan mengenai rancangan-rancangan Tamil di Televisyen. Adalah dasar RTM mengadakan rancangan-rancangan radio dan TV yang mempunyai tujuan untuk membantu Kerajaan dalam usaha menyatu-padukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Perlaksanaannya ialah dengan menegaskan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa yang diketuai di bawah Perlembagaan untuk mencapai cita-cita negara. Kegunaan Bahasa-bahasa lain seperti Bahasa China, Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris adalah untuk perhubungan, agar rakyat dapat memainkan peranan dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Rancangan-rancangan yang disiarkan adalah di mana rancangan-rancangan ini menggambarkan cara hidup nasional dengan mengemukakan biduan-biduan yang terdiri dari semua kaum dalam negara ini. Isi rancangan-rancangan yang disembahkan ini adalah berbilang kaum dan disifatkan "Malaysian". Lebih lagi apa yang mustahak kepada Kementerian saya adalah untuk memastikan iaitu rancangan-rancangan RTM membayangkan satu masyarakat yang berbilang kaum.

Syor yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Zawiah binti Abdullah agar liputan Persidangan Parlimen dipanjangkan. Kementerian saya terpaksa sentiasa menimbang rancangan-rancangan yang bercorak hiburan dan rancangan-rancangan yang lebih serius seperti liputan Persidangan Parlimen dan lain-lain supaya tidak menimbulkan perasaan bosan di kalangan orang ramai. Mengikut pendapat Kementerian saya masa yang diuntukkan untuk Persidangan Parlimen pada masa ini adalah mencukupi.

Yang Berhormat Tuan Haji Mahmoud Salim telah menegur mengenai pengumuman kaji cuaca yang dibuat oleh RTM pada tiap-tiap hari. Adalah dimaklumkan laporan kaji

cuaca ini adalah dibuat oleh Kementerian Pengangkutan. Laporan ini adalah hasil penyelidikan yang dibuat oleh pegawai-pegawai yang pakar di Jabatan Kaji Cuaca. Oleh yang demikian, RTM hanya menjadi agensi pengumuman laporan ini, tetapi walau bagaimanapun, syor akan dikemukakan kepada Jabatan Kaji Cuaca.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Perusahaan Awam.

6.37 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengemukakan pandangan-pandangan mengenai Kementerian Perusahaan Awam dan segala pandangan itu telah diambil perhatian.

Mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad memanglah benar bahawa Kerajaan telah menolak permintaan untuk menaikkan harga padi. Perkara ini banyak melibatkan harga-harga barangan lain dan juga para pengguna keseluruhannya. Namun demikian, Kerajaan tetap akan sentiasa menjaga kepentingan dan kebajikan para petani juga beberapa jenis bantuan telah disalurkan kepada mereka agar mereka terus menikmati taraf hidup yang lebih baik.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, ingin saya menegaskan bahawa penyertaan usaha-usaha UDA dengan pemaju-pemaju harta pada keseluruhannya pada masa ini adalah dalam lingkungan 30%-50% dan ini didapati menasabah dan memadai. Tetapi UDA akan mengkaji dari masa ke semasa bergantung kepada keadaan dan merit sesuatu kes, akan menambah kadar ini jika perlu. Dalam pada itu akan terus menjalankan projek-projeknya sendiri tanpa usaha-usaha dengan mana-mana pihak.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Ismail bin Hashim supaya Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri mengambil bahagian dalam pembinaan rumah-rumah murah yang berharga antara \$10,000-\$15,000 perkara ini memang sudah dijalankan selaras dengan kehendak-kehendak dan dasar yang diusahakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya :

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Per-sidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang

zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.”

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Khamis, 14hb Disember, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.